

**PANCARAN STATUS SOSIAL DALAM NOVEL-  
NOVEL TERPILIH MASYARAKAT MINANGKABAU:  
SATU PENELITIAN SOSIOLOGI**

**NOR'AIN ABDUL GHANI**

**UNIVERSITI**

**MALAYSIA**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN**

**2021**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**PANCARAN STATUS SOSIAL DALAM NOVEL-  
NOVEL TERPILIH MASYARAKAT MINANGKABAU:  
SATU PENELITIAN SOSIOLOGI**

**NOR'AIN ABDUL GHANI**

UNIVERSITI

**TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN  
UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

## TESIS

Saya mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi melainkan pengakuan kerja sebagai dirujuk bukan akademik bagi apa-apa kelayakan.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



*firdaus*

Tandatangan

Tandatangan Penyelia

Tarikh: 30.01.2021

Nama: Dr.Mohd Firdaus Bin Che Yaacob  
Tarikh: 30.01.2021

## PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang” Segala puji dan syukur kepada Illahi, Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan Rasul, Muhammad SAW. Pertamanya, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas segala rahmat-Nya dan izin-Nya, penyelidikan dan penulisan tesis ini dapat diselesaikan. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan buat penyelia saya, Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob atas bimbingan, teguran dan nasihat secara ikhlas serta sokongan moral sepanjang saya menyelesaikan penyelidikan ini. Semoga segala budi dan jasa baik yang disumbangkan oleh beliau akan mendapat ganjaran, petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT. Saya juga ingin merakamkan rasa penghargaan buat ibu dan keluarga tercinta kerana memberikan semangat dan sokongan yang berterusan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Ribuan terima kasih kepada pembantu penyelidik dan rakan-rakan taulan yang menghulurkan bantuan dan pertolongan ketika saya memerlukannya. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada pihak perpustakaan dari Universiti Malaysia Kelantan, Perpustakaan Awam Kota Bahru, Perpustakaan Awan Bachok Kelantan dan Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah banyak memberikan kerjasama dan menyalurkan bahan-bahan kajian bagi menyiapkan tesis ini. Akhir kata, semoga dunia sastera terus maju. Segala yang buruk daripada kelemahan saya sendiri dan segala yang baik datangnya daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Nor'ain Binti Abdul Ghani  
C17A0180  
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan  
Beg Berkunci No 01  
16300 Bachok  
Kelantan  
E-mel: [ainghani66@gmail.com](mailto:ainghani66@gmail.com).

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
ABSTRAK	vi
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Batasan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Definisi Operasional	13
1.7.1 Pancaran	13
1.7.2 Status Sosial	14
1.7.3 Masyarakat	15
1.7.4 Minangkabau	15
1.7.5 Novel	16
1.8 Organisasi Kajian	18
1.9 Penutup	20
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	21
2.1 Pengenalan	21
2.2. Pengkajian Pancaran Status Sosial dalam Novel-novel Terpilih Masyarakat Minangkabau	22
2.3 Pengkajian Penelitian Teori Sosiologi	29

2.4 Penutup	37
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>38</b>
3.1 Pengenalan	38
3.2 Reka Bentuk Kajian	39
3.2.1 Kepustakaan	39
3.2.2 Teks	39
3.3 Teori Sosiologi	43
3.4 Penutup	50
<b>BAB 4 ANALISIS KAJIAN</b>	<b>51</b>
4.1 Pengenalan	51
4.2 Unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel- Novel-novel yang terpilih; Satu Penelitian Teori Sosiologi	52
4.2.1 Kekuasaan	52
4.2.2 Adat Merantau	56
4.2.3 Pegangan Tradisi	59
4.2.4 Bahasa Minang	62
4.2.5 Sistem Mata Pencarian Hidup	65
4.2.6 Cara Pemakaian	69
4.3 Kesan status sosial masyarakat Minanagkabau kepada Khalayak Masyarakat	73
4.3.1 Tidak Mencampuri tradisi Minangkabau	74
4.3.2 Bilangan Penganguran Meningkat	75
4.3.3 Memupuk kesetiaan dalam diri	77
4.3.4 Bertukar Pendapat	79
4.3.5 Lebih menghormati wanita	81
4.3.6 Cara pemakaian yang lebih betul	83
4.4 Kesimpulan	86
<b>BAB 5 KESIMPULAN</b>	<b>87</b>

5.1 Pengenalan	87
5.2 Rumusan	88
5.3 Implikasi Kajian	92
5.4 Cadangan	96
5.5 Penutup	98
Biodata Pengkaji	99
Rujukan	100



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

PANCARAN STATUS SOSIAL DALAM NOVEL-NOVEL TERPILIH  
MASYARAKAT MINANGKABAU; SATU PENELITIAN SOSIOLOGI

ABSTRAK

Novel adalah salah satu cerita kesusasteraan yang ditulis oleh seseorang penulis. Novel juga merupakan bahan yang diterjemahkan sebagai cerita panjang. Novel secara amnya berkisarkan satu watak utama dan juga watak-watak sampingan. Kajian ini bertitik tolak kepada kajian yang melibatkan gambaran status sosial masyarakat Minangkabau yang disampaikan di dalam novel- novel terpilih. Kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif iaitu mengenalpasti, menganalisis dan mengkaji status sosial dalam novel-novel terpilih masyarakat Minangkabau rentetan daripada novel yang menjadi rebutan di kalangan pembaca. Tambahan pula, pendekatan analisis kandungan kualitatif dipilih sebagai kerangka panduan bagi menyempurnakan kajian ini. Berdasarkan kajian ini, penerapan teori sosiologi yang dipelopori Balley pada tahun 1978 dipilih sebagai gagasan bagi mengukuhkan lagi analisis kajian ini. Kajian ini menggunakan penelitian dan penghuraian terhadap aspek yang merangkumi Teori Struktural-Fungsionalisme dilaksanakan sebagai deduksi dalam pendekatan kajian. Dapatan menunjukkan bahawa dalam novel- novel terpilih masyarakat Minangkabau ini terdapat beberapa status sosial yang sememangnya dapat membuktikan sebuah jalan cerita yang penuh dengan ragam manusia dan sedikit sebanyak dapat menarik minat para pembaca.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



# SOCIAL STATUS DISCUSSION IN SELECTED NOVELS OF THE MINANGKABAU COMMUNITY: A SOCIOLOGICAL RESEARCH

## ABSTRACT

The novel is one of the literary stories written by a writer. The novel is also a material that is translated as a long story. Novels generally revolve around one main character as well as side characters. This study is based on a study that involves a description of the social status of the Minangkabau community which presented in selected novels. This study was conducted to achieve the objective of identifying, analyzing and studying the social status in selected novels of the Minangkabau community a series of novels that are popular among readers. Furthermore, a qualitative content analysis approach was chosen as the guiding framework for completing this study. Based on this study, the application of sociological theory pioneered by Balley in 1978 was chosen as an idea to further strengthen the analysis of this study. This study uses research and description of aspects that include Structural-Functionalism Theory implemented as a deduction in the study approach. The findings show that in the selected novels of the Minangkabau community there are several social statuses that can indeed prove a storyline that is full of human variety and to some extent can attract the interest of readers.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Perkataan “kesusasteraan” berasal daripada perkataan “sastera” yang bermaksud ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa dan memiliki keindahan. Menurut Welleck dan Werren (1956) menjelaskan bahawa perkataan kesusasteraan itu digunakan secara khusus dengan maksud “seni sastera” iaitu kesusasteraan yang bersifat imaginasi atau imaginatif. Penghasilan sastera ini berbeza dengan hasil seni yang lain kerana ia menggunakan bahasa sebagai alat penyampaiannya. Masyarakat menganggap bahawa sastera itu sebagai cerminan kehidupan. Jadi, kelahiran sesebuah hasil sastera itu adalah penelitian pengarang terhadap apa yang seiring berlaku dalam kehidupan masyarakat. Ia menyebabkan wujudnya hubungan antara hasil sastera dengan diri individu, masyarakat dan kolektif sebagai satu kebenaran dan perbandingan.

Menurut Rahman Shaari (2001: 65) menyatakan bahawa novel ialah karya atau dikenali sebagai karangan panjang. Di dalam novel tersebut sememangnya mempunyai pelbagai plot antaranya plot perwatakan, plot latar atau sebagainya. Selalunya dalam novel ini akan menceritakan mengenai pelbagai aspek tidak kira aspek pergaduhan, aspek peperangan, aspek politik atau sebagainya. Bukan itu sahaja, novel adalah sebuah karangan yang dikategorikan sebagai penulisan yang bebas atau boleh dikenali sebagai cerita pengkarya itu sendiri. Novel sememangnya karangan panjang yang akan ditulis sendiri mengenai kehidupan pengkarya tersebut yang berbentuk penulisan esei. Di sini, jumlah penulisan dalam novel ini sememangnya panjang yang boleh dicecah sehingga 20 000-50 000 patah perkataan.

Ada juga novel yang penulisan oleh pengkarya tersebut juga boleh mencecah lebih daripada 50000 patah perkataan.

Menurut *Kamus Dewan* (2005) menyatakan bahawa masyarakat merupakan sekumpulan atau hidup dalam kelompok yang berkuantiti besar mahupun kecil bagi golongan masyarakat atau dikenali sebagai manusia atas tatacara kehidupan dan tingkah laku yang berbeza. Pengertian Minangkabau menurut *Kamus Dewan* (2005) menyatakan mengenai sekumpulan etnik perkauman yang penuh dengan adat yang tinggi dan budi bahasa yang baik.

Menurut Hamka (2006) menyatakan bahawasanya suku kaum Minangkabau ini telah lama terwujud di Indonesia sebelum membiak ke Malaysia atas sebab orang Minangkabau suka melaukakan aktivii merantau dan berkahwin dengan orang bukan Minangkabau. Disitulah berlakunya pembiakan Minangkabau secara tidak sedari. Sebagai contoh, masyarakat Minangkabau yang bekerja merantau sememangnya telah biasa untuk tinggal berjauhan dengan keluarga atau mungkin suka terus tinggal secara merantau kerana ia beranggapan telah merubah kehidupannya lebih selesa berbanding tinggal di kampung yang penuh dengan adat Minangnya.

Kajian ini membicarakan tentang pancaran status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel-novel yang terpilih; satu penelitian Teori Sosiologi. Antara novel yang menjadi pilihan pengkaji adalah novel-novel yang dikarang oleh penulis terkenal di luar negara iaitu Hamka. Teori Soisologi ini digunakan untuk mengetahui idea sebenar yang ingin disampaikan menerusi status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel kepada masyarakat. Perkara asas yang menjadi pegangan pengkritik adalah setiap para pengarang mampu menghasilkan teks kesusasteraan

yang mengandungi unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau. Menerusi pendekatan ini aspek intrinsik dan aspek ekstrinsik dilihat saling berhubung dan berkait antara satu sama lain.

### 1.1.1 Latar Belakang Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel-novel yang terpilih dan menghuraikan status sosial masyarakat Minangkabau yang terkandung dalam novel. Di samping itu, objektif kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis status sosial masyarakat Minangkabau yang dikarang oleh Hamka mengenai peradaban dan tradisi masyarakat Minang.

Kajian ini dilakukan untuk melihat status sosial dalam novel-novel terpilih dengan menggunakan pendekatan intrinsik dan ekstrinsik dalam menjalankan kajian yang lebih mendalam berkenaan dengan kekreativiti pengarang dalam menghasilkan sesebuah karya. Menerusi kajian ini juga telah menegaskan tiga persoalan yang memancarkan status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel-novel terpilih.

Status sosial merupakan pangkat yang untuk dikelompokkan serta dipertanggungjawabkan dan diamanahkan untuk melaksanakannya. Kata erti yang sama, status sosial adalah perlaksanaan amanah yang telah diberi kepada seseorang. Status sosial juga boleh disamakan kepada kelompok manusia yang telah disusun mengikut lapisan sosial yang berdasarkan kriteria yang layak diterima. Untuk pangkat yang diperolehi termasuk daripada usaha sendiri mahupun orang yang mempercayai atas kekuatan yang seseorang perolehi. Kesemua masyarakat sememangnya akan layak memperolehinya jika keputusan serta tingkah laku yang mereka ada telah mengikuti pola kehidupan.

Kajian ini juga telah mengaplikasikan Teori Sosiologi untuk melakukan analisis data dengan lebih teratur dan tepat mengikut objektif yang telah ditetapkan sepanjang melaksanakan kajian ini. Teori Sosiologi ini pada awalnya lebih dikenali sebagai teori kesinambungan yang berkaitan dengan kemasyarakatan yang telah diperkenalkan oleh Karl Max serta ditubuhkan teori ini pada tahun 1989. Dengan ini, status sosial dimana masyarakat Minangkabau yang terdapat di dalam novel-novel terpilih telah memberi penekanan yang tinggi kepada masyarakat untuk menerangkan status sosial yang terdapat dalam suku kaum Minangkabau kepada kemasyarakatan.

## 1.2 Penyataan Masalah

Sastera merupakan suatu bidang ilmu dengan penggunaan bahasa yang indah. Penggunaan sastera merupakan suatu kepuasan bagi memupuk sifat cintai ilmu dengan melahirkan minat membaca dalam kalangan masyarakat. Kenikmatan yang diterima adalah suatu keghairahan dalam penghayatan sesebuah bahan bacaan sastera. Selain itu, nilai estetika yang wujud dalam karya sastera memberi pemahaman dalam menimbulkan variasi emosi sebagai tujuan untuk menyampaikan sesuatu ragam kehidupan masyarakat. Sehubungan dengan itu, karya sastera teragung perlu dipertingkatkan, dipelihara dan dilindungi supaya khazanah ini terus menerus tersimpan sehingga generasi akan datang juga dapat merasai karya sastera.

Berdasarkan kepada kajian lepas, kajian mengenai *pancaran status sosial dalam novel-novel terpilih masyarakat Minangkabau; satu penelitian teori sosiologi*. Sememangnya sudah banyak dikaji oleh para sarjana. Antara kajian lepas yang dibuat berkaitan dengan pancaran status sosial masyarakat Minangkabau seperti kajian yang dilakukan Erizal Gani (2000), Siti Fatimah (2001), Noriati A. Rashid (2005), Yusrita Yanti (2005), Hashim Ismail (2007) dan banyak lagi. Namun sehingga kini, tiada lagi kajian mengenai pancaran status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel-novel terpilih. Sehubungan dengan itu, pemilihan beberapa novel-novel tersebut sebagai rujukan bagi mengkaji pancaran status sosial masyarakat Minangkabau yang terdapat didalamnya. Hal ini, telah membuka ruang dan peluang kepada pengkaji untuk mengisi kekosongan ini dengan menjalankan kajian yang berkaitan dengan pancaran status sosial masyarakat Minangkabau.

Oleh sebab itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti, menganalisis dan membincangkan serta mengupaskan pancaran status sosial masyarakat Minangkabau mengaplikasikan Teori Sosiologi oleh KarlMax (1989) bagi mengukuhkan kajian ini. Dengan ini, jelaslah bahawa kajian terhadap status sosial masyarakat Minangkabau mampu memberi prospek yang baru dalam bidang kesusasteraan.

### 1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah persoalan yang dibincangkan menerusi tajuk kajian pengkaji iaitu *pencaran status sosial novel-novel terpilih dalam masyarakat Minangkabau*.

- 1.3.1 Apakah status sosial masyarakat Minangkabau yang terdapat dalam novel-novel terpilih?
- 1.3.2 Sejauhmanakah status sosial masyarakat Minangkabau yang terdapat dalam novel- novel terpilih?
- 1.3.3 Bagaimanakah status sosial masyarakat Minangkabau yang terdapat dalam novel-novel terpilih?



#### 1.4 Objektif kajian

Objektif kajian ini membicarakan mengenai sesuatu perkara untuk mengenalpasti, menganalisis serta membincangkan dengan lebih mendalam lagi mengenai *pancaran status sosial dalam novel-novel terpilih dalam masyarakat Minangkabau*.

- 1.4.1 Menenalpasti unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel-novel yang terpilih.
- 1.4.2 Mengkaji unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel-novel yang terpilih dengan menerapkan Teori Sosiologi.
- 1.4.3 Membincangkan unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau yang terdapat dalam novel-novel terpilih.

## 1.5 Batasan Kajian

Menurut Amir Hassan (2008) batasan kajian merupakan kajian yang ingin mengehendkan skop kajian bagi memudahkan pengkaji mengkaji kajian tersebut dengan teliti dan kemas. Kajian ini lebih mengutamakan kajian yang sekata dengan tajuk kajian supaya kajian tersebut sesuai untuk dimasukkan ke dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan novel untuk dijadikan bahan utama dalam kajian ini bagi memudahkan pengkaji mendapatkan penerangan mengenai tajuk kajian.

Batasan mengenai penyelidikan adalah penting supaya kajian yang dilakukan lebih terarah dan memfokuskan. Jika skop atau tajuk kajian itu terlalu besar dan umum ini akan menyukarkan pengkaji untuk menjalankan kajian kelak.

Oleh itu, batasan kajian dapat membantu pengkaji agar lebih tertumpu. Dalam kajian projek penyelidikan ini, pengkaji telah membataskan untuk menjalankan kajian dalam lingkungan masyarakat Minangkabau di dalam novel-novel yang terpilih. Kajian ini juga dibataskan kepada lingkungan pengkajian secara ilmiah dan tidak menyentuh aspek-aspek yang menyentuh sensitiviti perkauman, yang boleh mengancam keharmonian Negara Malaysia. Setelah dikaji, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa hanya sesetengah adat masyarakat Minangkabau yang telah disebutkan di dalam novel. Antara novel yang pengkaji kaji adalah daripada penulis yang terkenal iaitu Hamka.

Bukan itu sahaja, pengkaji mengfokuskan status sosial di dalam dua buah novel tersebut. Hal ini kerana, di dalam novel tersebut pengkaji mendapati bahawa setiap penulis novel ingin memperkenalkan keunikan serta kepentingan adat-adat terhadap masyarakat Minangkabau. Antara novel pertama yang pengkaji ingin

kaji ialah novel yang diterbitkan pada tahun 2015 dan kesemua novel tersebut adalah karya Hamka.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.6 Kepentingan Kajian

Perkara yang amat dititikberatkan dalam kajian ini adalah untuk menjelaskan sejauhmanakah novel dapat membantu iaitu novel yang ditulis oleh Hamka dalam merungkai status sosial dalam masyarakat Minangkabau. Tujuan utama kajian ini juga adalah untuk mengajar, mendidik, mengkritik dan bahan fikir serta bahan rasa kepada masyarakat.

### 1.6.1 Individu

Hasil kajian ini dapat menjelaskan secara terperinci mengenai status sosial dalam kedua-dua novel sahaja. Hal ini bermula daripada pembacaan dan pemahaman terhadap teks tersebut seterusnya menganalisis isi yang diperolehi dan diolah agar menjadi satu taksiran yang tepat mengenai status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel-novel yang terpilih. Dengan ini, kepentingan kepada individu sememangnya amat dititikberatkan dalam kajian kerana dengan pembacaan oleh seseorang individu secara langsung pembaca akan memahami serta menarik lagi untuk mengetahui status sosial masyarakat Minangkabau secara lebih terperinci untuk mendekati diri dengan suku kaum Minangkabau.

### 1.6.2 Masyarakat

Pengkaji dapat merungkai status sosial berdasarkan adat masyarakat Minangkabau sekaligus menghasilkan penyampaian adat tersebut memberi kesan positif serta negatif kepada para audiens yang membaca. Hal ini bersesuaiannya dengan jenis teks yang lebih tertumpu kepada pembaca agar dapat menerima pandangan dan pendapat para pengkarya. Oleh itu, setelah dibuat kajian

dan analisis, pengkaji mendapati bahawa novel-novel yang dipilih boleh diperketengahkan supaya kalangan masyarakat mengetahui status sosial masyarakat Minangkabau. Dengan ini, kepentingan masyarakat mengenai status sosial sememangnya memberi peranan yang tinggi kerana dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim tanpa mengira suku dan bangsa.

### 1.6.3 Institusi

Hasil kajian ini juga boleh membantu pihak institusi pengajian untuk menjadikan rujukan kepada para pengkaji, para pelajar, serta penulis-penulis novel yang ingin mengkaji unsur-unsur adat masyarakat Minangkabau malah juga diharapkan agar pihak Universiti Malaysia Kelantan dapat menyediakan maklumat yang lebih banyak mengenai status sosial melalui mana-mana artikel, novel, buku dan rujukan. Dengan ini, kepentingan institusi kepada status sosial masyarakat Minangkabau sememangnya memberi pancaran yang luas bagi menyebarkan status sosial yang tersirat agar dapat diketahui oleh orang ramai daripada maklumat yang sahih.

## 1.7 Definisi Konsep

Kajian ini akan menggunakan beberapa istilah tertentu. Istilah ini perlu didefinisikan terlebih dahulu supaya ianya dapat memberi gambaran yang lebih tepat dalam konteks kajian ini. Pengkaji akan menerangkan definisi setiap perkataan di dalam tajuk kajian ini. Antaranya ialah pancaran, status sosial, novel, masyarakat serta Minangkabau.

### 1.7.1 Pancaran

Menurut Azmi Rahman (2011) menyatakan bahawa pancaran dalam sastera menjelaskan pelbagai definisi pemikiran Melayu dalam pelbagai genre kesusasteraan tidak kira dalam puisi atau prosa. Pembicaraan karya sastera dalam buku ini bersifat santai dan memudahkan pembaca memahami makna teks yang ditulis. Pembaca diharapkan dapat menerima kandungan buku seperti bahan rujukan, pengajaran dan pembelajaran bagi mudah untuk difahami serta mengetahui isi makna yang tersurat dan tersirat dalam pelbagai genre sastera. Menurut *Dewan Bahasa dan Pustaka* (2012), menyatakan bahawa pancaran adalah proses keluar ke berbagai-bagai arah atau ke hulu ke hilir. Pancaran tersebut boleh berlaku secara deras atau sebaliknya dan pancaran tersebut juga dapat kelihatan bercahaya dan bersinar.

Menurut Ibrahim Hussien (2017), pancaran dalam sastera adalah bermula daripada emosi seseorang. Seseorang yang mempunyai sifat yang baik dapat ditampil melalui daripada kreativitinya. Kehalusan dan pancaran secara dalaman telah ditentukan dalam bentuk dan luahan ke dalam karya sastera tersebut malah kesemuanya wujud daripada secara sedar mahupun separuh sedar oleh penulis. Hal ini bukan sahaja amat dekat dalam penceritaan atau penulisan dalam

karya sastera tersebut tetapi pemilihan diksi mengikat kesatuan semangat kehalusan emosi untuk menyampaikan makna yang mendalam, menampilkan penulisan secara kreativiti akan memancarkan dalam penulisan karya sastera tersebut. Oleh itu, kesemua puisi sastera amat dekat dengan kesenian kerana penghasilannya akan disampaikan dengan bahasa yang indah. Dengan ini, pancaran juga dapat dikenali melalui radio atau televisyen. Bagi memprosesan penyairan dan penghebohan. Di sini, pancaran dapat dikenali sebagai sinaran sememangnya telah membantu pemikiran masyarakat tentang sesuatu perkara bagi mengetahui kepentingan pada individu, masyarakat ataupun institusi.

### 1.7.2 Status Sosial

Status sosial merupakan kedudukan sosial di dalam salah satu tempat atau posisi seseorang untuk dikelompokkan secara umum sehubungan dengan keberadaan orang lain di sekitarnya. Kata erti yang sama, status sosial adalah pelaksanaan hak dan kewajiban seseorang dengan status yang dipertanggungjawabkan dengan kelulusan yang dia berada. Status sosial juga boleh disamakan kepada kelompok manusia yang telah disusun mengikut lapisan sosial yang berdasarkan kriteria yang layak diterima. Untuk kedudukan sosial terdiri daripada lingkungan pergaulan hak kewajiban dan prestasi sendiri. Seseorang dapat memperolehnya jika kedudukan sosial dalam masyarakat telah mengikuti pola kehidupan. Menurut Weber (1999), menyatakan bahawa status sosial adalah perbezaan antara dasar ekonomi dan sosial yang boleh menstabilkan sesebuah Negara. Tetapi kini pihak yang terlibat masih menggunakan istilah sosial bagi semua lapisan yang beranggapan ia adalah akan adil kepada semua pihak. Kelas sosial yang sifatnya berekonomi perlulah dibahagikan kepada sub kelas yang ditetapkan.

### 1.7.3 Novel

Menurut Hashim Ismail (2007) menyatakan bahawa novel merupakan karya sastera yang mempunyai dua unsur iaitu unsur intrinstik dan unsur ekstrintik. Kedua-dua unsur tersebut mempunyai kait rapat antara satu sama lain bagi menghasikan sebuah karya sastera yang menarik. Manakala, menurut Che Abdullah Che Ya (2013) menyatakan bahawa novel merupakan bentuk karya sastera yang disampaikan pelbagai aspek. Antaranya aspek budaya sosial, moral dan pendidikan. Wujudnya novel ini adaah untuk menyampaikan pengajaran dan nilai-nilai morak kepada pembaca tidak kira yang muda mahupun yang sudah berumur agar dapat menerima dengan baik. Dengan ini, novel merupakan bahan bacaan yang dipopulari oleh generasi muda untuk membaca sera mengisi luang masa yang berfaedah serta novel juga membantu generasi muda menambah ilmu pengetahuan tidak kira novel Melayu yang kini lebih banyak pengajaran dan pendidikan yang disampaikan secara tulisan.

### 1.7.4 Masyarakat

Menurut Linton (1968) menyatakan bahawa masyarakat bermaksud jumlah manusiayang merupakan satu kesatuan golongan yang berhubungan tetap. Antara tempat yang mewujudkan masyarakat adalah di sekolah, keluarga, kumpulan atau di negara.

Menurut *Kamus Dewan* (2005), menyatakan masyarakat dedefinisikan sekelompok makhluk hidup yang tinggal dengan suasana kehidupan yang baru bagi memperkembangkan kehidupannya agar lebih baik serta menurut hukum-hukumnya sendiri bagi memperkembangan kehidupan yang sebelum ini.



### 1.7.5 Minangkabau

Menurut Nasreon (1957), menyatakan bahawa kajian tentang Minangkabau hampir tidak kebanyakan dari perspektif lain. Tulisan yang dapat dibaca adalah perdebatan yang tiada putus antara dua sumber nilai keminangkabau iaitu adat Minangkabau dan agama islam dimana yang satu merupakan kearifan lokal dan yang lain merupakan agama wahyu yang bersifat universal. Dengan jelaslah bahawa tulisan yang diperturunkan oleh nenek moyang suku kaum Minangkabau juga telah menjadi suatu tradisi kepada suku kaum tersebut sehingga kini. Lisan dan tulisan bagi masyarakat Minangkabau sememangnya berlainan dengan bahasa Melayu. Disitulah dapat melihat bahawa tradisi suku kaum tidak mengira budaya atau sosial dapat diperkenalkan kepada Negara.

Menurut Hamka (2006), Minangkabau ini diperkatakan bahawa ia merupakan sekelompok masyarakat yang kecil sahaja dan dipertemukan disebuah surau semasa menunaikan kewajipan sebagai seorang Islam. Minangkabau ini terwujud semasa di Indonesia dan semakin lama ia membiak ke seluruh negara dan terwujudlah suku kaum Minangkabau yang penuh dengan adat. Hal ini disebabkan mereka terlalu pegang dengan tradisi aau adat mereka agar suku kaum ini tidak mudah berpecah belah.

Menurut Azima Manaf (2019) Minangkabau merupakan suku kaum yang lebih mempertahankan adat mereka tidak kira diluar negara atau di Malaysia. Aliran Romantisme memandang adat minangkabau tersebut sebagai suatu tetapan kemanusiaan yang sempurna tanpa cacat cela dimana sekalipun sehingga ia perlu diwujudkan secara kenyataan agar pernyataan tersebut akan kelihatan lebih kukuh dan tepat. Sebaliknya, bagi pandangan aliran realism yang kelihatan lebih banyak aspek

kelemahan dan kekurangan dalam sesebuah adat dalam Minangkabau. Kedua-dua jenis pandangan ini mempunyai tokoh-tokoh secara fanatic sehingga nyaris untuk ditemui kerana tokoh yang mengumpul maklumat merupakan salah satu suku kaum bangsa Minangkabau. Dengan ini, minangkabau ini merupakan suku kaum yang sememangnya amat kuat pegangan mereka tidak kira secara tradisi nenek moyangnya atau agama yang dipercayainya serta bahasa Minangkabau ini sememangnya mempunyai bahasa yang tersendiri yang dipelajari oleh tradisi mereka sendiri sehingga bahasa tersebut telah sehati dengan perbualan mereka antara satu sama lain. Pandangan suku kaum Minangkabau akan beranggapan bahawa pandangan mereka adalah pandangan yang tepat berbanding pandangan suku kaum lain. Hal ini kerana, suku kaum tersebut mempelajari pelbagai budaya atau tradisi mereka melalui dengan kehidupan sebenar mereka sendiri tanpa dipengaruhi oleh orang luar.

## 1.8 Organisasi Kajian

Secara keseluruhannya kajian ini terbahagi kepada lima bab. Pembahagian bab ini sangat diambil kira dan juga merupakan aspek yang paling penting dalam kajian ini. Bab 1 telah mengetengahkan mengenai pengenalan kepada tajuk kajian yang dilakukan serta status sosial yang terdapat dalam masyarakat Minangkabau. Dalam bab ini juga akan merumuskan tentang pernyataan masalah kajian dan persoalan serta objektif kajian. Bab ini juga telah menjelaskan tentang justifikasi pemilihan bahan-bahan kajian, kaedah kajian ini dilakukan dan definisi operasi.

Seterusnya merupakan bab 2, yang mengutamakan kepada pemilihan kajian-kajian lepas yang diambil untuk dijadikan sebagai sorotan kajian. Kajian-kajian ini dipilih berdasarkan penyesuaian tajuk kajian yang dilakukan. Hal ini demikian kerana, ianya sedikit sebanyak dapat dijadikan sebagai garis panduan dalam melaksanakan kajian ini. Rentetan daripada itu, sorotan kajian ini juga dipilih berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji dari tanah air Malaysia.

Di samping itu, bab 3, membincangkan tentang status sosial sekalipun merumuskan teori yang dipilih iaitu teori sosiologi yang diasaskan oleh Karlmax pada tahun 1989. Perbincangan dalam bab ini bertujuan untuk menimbulkan pemahaman yang jelas terhadap status sosial yang berlaku dalam masyarakat pada era kini.

Selain daripada itu, bab 4, membahaskan tentang cara mengenalpasti, menganalisis dan membincangkan status sosial dalam novel-novel yang terpilih dalam masyarakat Minangkabau. Berdasarkan bab ini, analisis teks akan dilakukan bagi mengenalpasti unsur status sosial di dalam novel -novel yang terpilih serta menerapkan teori Sosiologi bagi mengukuhkan lagi kajian yang dilakukan. Bukan itu

sahaja, bab ini juga telah membincangkan beberapa kesan kepada khalayak masyarakat tentang kewujudan adat Minangkabau dalam kehidupan mereka.

Akhir sekali bab 5 yang akan melakarkan kesimpulan berdasarkan kepada dapatan dan rumusan yang diperolehi daripada analisis teks kajian. Huraian daripada dapatan kajian analisis akan dibentuk bagi mencipta suatu matlamat yang memperlihatkan kejayaan bagi mencapai objektif kajian untuk membuktikan unsur status sosial yang terdapat didalam teks yang dipilih.

## 1.9 Penutup

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji dapatlah dirumuskan bahawa *pancaran status sosial dalam masyarakat Minangkabau dalam novel-novel yang terpilih: Satu Penelitian Sosiologi* mempunyai peranan dimana masyarakat Minangkabau kurang ditonjolkan berbanding masyarakat yang lain. Hal ini kerana kajian lepas kurang berminat untuk menganalisis adat-adat masyarakat Minangkabau. Berdasarkan kajian ini juga dapat dibuktikan dimana penulis dalam novel-novel terpilih cuba mengaplikasikan bahawa status sosial masyarakat Minangkabau masih digunakan sehingga kini. Oleh itu, pengkaji menggunakan teori sosiologi bagi memantapkan lagi kajian ini. Analisis kajian yang telah diaplikasikan oleh pengkaji telah mengeluarkan beberapa ciri tentang status sosial dalam masyarakat Minangkabau. Pengkaji lebih menggunakan pendekatan status sosial dalam teori sosiologi kerana lebih sesuai untuk menjelaskan tentang taraf kehidupan sesuatu masyarakat Minangkabau serta status yang diperolehi melalui turun-temurun. Walaupun status sosial dalam masyarakat Minangkabau ini kurang ditonjolkan pada masa kini kerana ia beranggapan bahawa adat-adat masyarakat Minangkabau kebanyakan telah bertentangan dengan Islam serta terlalu taksu dengan keturunan nenek moyang mereka. Hal ini pengkaji berminat untuk menganalisis sejauhmana adat yang dipercayai oleh masyarakat Minangkabau dari dahulu sehingga kini. Bukan itu sahaja, pengkaji juga ingin mengkaji sejauhmana status sosial dapat membantu masyarakat Minangkabau mengorganisasikan keturunan tersebut. Dengan bantuan metodologi yang akan digunakan oleh pengkaji telah membantu serba sedikit untuk memudahkan pengkaji menyelesaikan kajian tersebut.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 Pengenalan

Pada bab ini membicarakan berkenaan dengan pengkajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan kajian status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel-novel yang terpilih antaranya pengkajian terhadap novel-novel terpilih di Malaysia, pengkajian terhadap status sosial dalam novel-novel terpilih di Malaysia dan pengkajian terhadap pengaplikasian teori sosiologi dalam kepelbagaian genre kesusasteraan Melayu. Kajian-kajian ini akan diperolehi daripada pustakaan Universiti Malaysia Kelantan, pustakaan Awam Negeri Kelantan, pustakaan Universiti Putra Malaysia dan Universiti Tun Hussein Onn. Oleh itu, segala bahan-bahan yang diperolehi melalui artikel, jurnal, buku dan akhbar akan direkodkan untuk dijadikan sebagai bahan kajian. Malah, kesemua bahan-bahan kajian ini berfokuskan kepada kajian status sosial masyarakat Minangkabau nove-novel terpilih.

## 2.2 Pengkajian Terhadap Novel-Novel Minangkabau

Beberapa definisi yang telah dianalisis untuk melihat sejauhmana perbincangan mengenai *Pancaran Status Sosial dalam Novel-Novel masyarakat Minangkabau* ini. Kajian pertama yang dianalisis ialah menurut Erizal Gani (1949) dalam tajuk kajiannya iaitu *Kajian Terhadap Landasan Filosofi Pantun Minangkabau*. Kajian ini membicarakan tentang pemahaman pantun Minangkabau. Artikel ini adalah dikaitkan dengan penyampaian pantun dan masyarakat Minangkabau. Ia merupakan salah satu cara penulisan dan lisan oleh masyarakat Minangkabau. Hal itu disebabkan kerana kegiatan berpantun merupakan sebahagian dari kegiatan berbahasa.

Menurut Siti Fatimah (2001) dalam tajuk kajiannya *Gender Dalam Komuniti Masyarakat Minangkabau; Teori, Praktik dan Ruang Lingkup Kajian*. Kajian ini membicarakan tentang sistem kekerabatan dalam etnik Minangkabau yang menekankan persoalan sifat perempuan atau isu jantina. Kajian ini menyatakan tentang sistem kekerabatan ternyata lebih melebihkan posisi perempuan daripada laki-laki sehingga mewujudkan ketidakseimbangan dalam kemasyarakatan. Laki-laki ditempatkan sebagai pelindung dan ketua yang dikategorikan dengan kedudukan yang tertinggi sedangkan perempuan memiliki akses dalam milik seseorang. Hal ini telah diterangkan dalam kajian tersebut dengan huraian yang lebih jelas tentang keseimbangan dan kesekataran antara perempuan dan lelaki di dalam sistem budaya yang mampu membuat masyarakat Minangkabau tersebut hidup dalam keadaan selesa dan teratur.

Menurut Zainal Ariffin (2005) dalam tajuk kajiannya *Idualitas Praktik Perkahwinan Minangkabau*. Kajian ini membicarakan tentang sifat kebiasaan sosialisasi masyarakat Minangkabau yang sering digambarkan penelitian selama ini

yang telah didefinisikan dengan lebih jelas dan tepat. Dalam konteks ini, *Idualitas* sebagai nilai-nilai yang dijadikan acuan dalam praktik perkahwinan tersebut selalu memiliki dua sisi. Hal ini kerana, masyarakat Minangkabau telah menarik perhatian oleh ramai masyarakat tentang perkahwinan dari segi adat Minangkabau. Adat atau aspek sosial mengenai Minangkabau selalu menunjukkan kesifatannya yang dianggap suci sehingga masyarakat luar yang memberi respon tidak kira baik ataupun sebaliknya tentang sosial masyarakat Minangkabau.

Menurut Hashim Ismail (2007) dalam kajiannya yang bertajuk *Cara Penulisan Novel-Novel Minangkabau*. Kajian ini membicarakan tentang untuk menangani perjalanan selama beberapa tahun tentang detik-detik sejarah sehingga telah membekas perkembangan penulisan novel Minangkabau di negara. Terdapat pelbagai fenomena menghasilkan sesebuah novel Minangkabau sehingga terciptalah pasang surut yang mewarnai sejarah penulisan novel yang berkaitan dengan Minangkabau. Pencapaian tugas novelis Minangkabau meningkat untuk mempertingkatkan tradisi dan mempertahankan tradisi Minangkabau kepada pembaca. Ia juga telah menjadi sesuatu kemajuan dan pembangunan minda masyarakat kepada suku kaum Minangkabau. Bukan itu sahaja, kajian ini juga menyatakan tentang pengharapan novel mengenai Minangkabau dapat menunjukkan kualiti yang baik di peringkat hasil penciptaannya. Seterusnya, kajian ini juga menilai hasil ciptaan novel Minangkabau sehingga telah mencapai satu penghasilan yang dapat meletakkan penulis kita setaraf dengan pencapaian pemenang-pemenang hadiah novel fiksiyen.

Menurut Herman Khalid (2008) dalam kajian yang bertajuk *Peranan dan Kedudukan Perempuan Melayu dalam Masyarakat Melayu Minangkabau di Sumatera Barat*. Kajian ini mengenai tentang kedudukan perempuan Melayu dalam undang-undang. Kedudukan perempuan Melayu dalam Masyarakat Minangkabau



bukan sahaja penentu zuriat tetapi juga mempunyai penguasaan rumah gadang dan pemilik harta pusaka, Maka kajian ini amat berperanan yang lebih tertonjol sebagai penyimpanan hasil usaha ekonomi keluarga. Objektif kajian yang dianalisis adalah menganalisis peranan dan kedudukan perempuan Melayu di Indonesia.

Menurut Siti Fatimah (2008) dalam tajuk kajiannya *Mencermati Perubahan Sosial Masyarakat Minangkabau melalui Novel "Tamu Karya Wisran Hadi*. Kajian ini membicarakan sesebuah karya sastera Wisran Hadi yang sangat popular dan banyak mengangkat cerita-cerita rakyat yang perspektif dengan cerita dongeng dari Minangkabau. Oleh itu, perubahan sosial lebih memilih untuk mengangkat fenomena sosial yang ada di sekeliling kehidupannya sehingga dapat diketahui tentang karya Wisran Hadi. Bukan itu sahaja, kajian ini juga mengetengahkan ketegangan-ketegangan yang dimunculkan oleh Wisran dalam Novel *Tamu* menunjukkan adanya goncangan dalam tetapan sosial dalam masyarakat yang sedang mengalami perubahan. Dalam kajian ini dapat menyatakan tentang kesejajaran antara novel dikaji dengan keadaan yang sesungguhnya dalam kehidupan masyarakat Minangkabau.

Menurut Yasril Yunus (2010) dalam tajuk kajiannya *Model Pemerintahan Negeri dalam Masyarakat Minangkabau*. Kajian ini membicarakan tentang nilai-nilai pemerintahan adat Minangkabau tetapi dapat dikenali sebagai masyarakat hukum adat dalam sesebuah Lembaga Kerapatan Adat negeri (KAN). Hal ini kerana tentang penghormatan martabat dan hak asli masyarakat adat disamping dapat mempertimbangkan dan menyelaraskan dengan nilai demokrasi moden tetapi perubahan tersebut telah menimbulkan konflik antara nilai adat dan nilai moden. Hal ini demikian akan menempatkan kesetaraan jantina yang telah membentuk dengan nilai adat yang tidak memberikan keizinan perempuan untuk menjadi pemimpin. Dengan demikian, hal ini diharapkan bagi efisien pembangunan masyarakat.

Menurut Nordin Hussin (2011) dalam kajian yang bertajuk *Merantau ke Kuala Lumpur; Tradisi merantau dan berdagang masyarakat Minang*. Kajian ini mengenai migrasi yang dilakukan oleh para sarjana terutamanya yang melibatkan masyarakat Melayu Minangkabau sehingga kurang menjadi pendedahan dilakukan terutamanya pada abad ke-19 dan awal abad 20. Kajian ini memperlihatkan tradisi masyarakat melayu Minangkabau yang pergi merantau dan berdagang. Ia juga menganalisis mengenai fungsi masyarakat Melayu Minangkabau keluar merantau dan berdagang daripada tinggal di kampung halamannya.

Menurut Siti Fatimah (2011) dalam tajuk kajiannya *Kepimpinan Tradisional Masyarakat Minangkabau Pada Masa Pendudukan Jepang*. Kajian ini membicarakan tentang Minangkabau sebagai salah satu kelompok etnik tertentu, yang tidak terlepas dari pandangan masyarakat lain. Dengan kelainan sosial budaya yang serba kompleks, suku minangkabau sudah dikenali sebagai struktur masyarakat yang teratur pada masa lalu. Dengan memperolehi pelbagai sumber, masyarakat Minangkabau telah diperkenalkan dengan sistem pola kemasyarakatan serta pemerintahan yang secara umum yang dikenali seperti *Bodhi Caniago* dan *Koto Piliang*. Kepimpinan masyarakat Minangkabau juga dikenal sebagai *orang yang dituakan*, Istilah orang yang dituakan ini tidak identiti, tetapi konsep ini biasa diberikan terhadap seseorang yang dianggap sebagai pemimpin. Dalam kajian ini membicarakan tentang kelompok yang terkecil mahupun kelompok yang lebih luas. Pada sejarah Minangkabau, pola-pola kepemimpinan tradisional terlihat berjalan dengan lancar sehingga telah berpengaruh dengan orang luar atau kekuatan-kekuatan asing. Namun setelah dominasi kekuatan asing, pola kepemimpinan masyarakat tradisional menjadi lebih besar dan aktif dalam pemerintahannya. Reaksi terhadap itu ditunjukkan oleh terjadinya berulang kali pergolakan sosial dan intelektual.

Menurut Roszalina (2015) dalam kajian yang bertajuk *Perbandingan Kata Sapaan Dalam Masyarakat Minangkabau di Kabupaten 50 kota Dengan Daerah Rembau*. Kajian ini adalah mengenai tentang konsep-konsep persekitaran kata sapaan yang digunakan oleh masyarakat Melayu Minangkabau. Objektif kajian ini dianalisis tentang menghuraikan bentuk dan penggunaan kata sapaan di Negeri batu Hampar Kecamatan Akalburu Kabupaten 50 Kota dan Daerah Rembau Negeri Sembilan. Kajian ini merencanakan lagi tentang minangkabau dari segi kebahasaan, terutama perbandingan bahasa Minangkabau di daerah asal dengan bahasa Minangkabau di daerah rantau seperti Negeri Sembilan, Malaysia.

Menurut Zainal Omar (2016) dalam kajiannya yang bertajuk *Potret Keluarga Masyarakat Minangkabau dalam dua novel Pengarang Etnis Minangkabau*. Kajian ini mengenai tentang nilai-nilai tradisi pada titik kehidupan masyarakat Minangkabau tertentu yang mampu berfungsi dalam ilmu pengetahuan. Bukan itu sahaja, perguruan tinggi, pemerintah daerah, dan lembaga pemerintah lainnya, serta masyarakat pada umumnya untuk tidak mengabaikan dan memandang rendah tradisi lisan yang hidup di dalam kemasyarakatan. Setiap masyarakat yang bukan tradisi masyarakat Minangkabau tersebut sesungguhnya memerlukan pelbagai cara untuk meningkatkan keyakinan. Peningkatan keyakinan itulah yang menggerakkan masyarakat di dalam mempertingkatkan integrasi, melakukan penyekatan sosial, memadukan kekuatan bersama yang terpecah, membentuk identiti kelompok, serta menciptakan harmonisasi komuniti dalam sesebuah kemasyarakatan Minangkabau.

Menurut Suriani Mansor (2016) dengan tajuk kajiannya *Analisis Unsur Adat Minangkabau Pada Filem Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck karya Hamka* Kajian ini membicarakan tentang suatu karya Minangkabau yang menyampaikan suatu jenis pengetahuan dengan memberikan kenikmatan unik dan berpengetahuan untuk memperkayakan tradisi Minangkabau kepada pembacanya. Pengarang juga membuat atau menciptakan sebuah karya berkonsepkan Minangkabau tidak hanya berfungsi memberikan hiburan bagi pembaca sahaja, malah ia juga bertujuan untuk memenuhi keperluan bagi masyarakat Minangkabau dalam menjalani kehidupan sehari-hari dengan mempergunakan konsep tradisi turun temurun nenek moyang mereka. Dengan demikian, karya sastera berkonsepkan Minangkabau ini merupakan salah satu hal yang penting dalam kehidupan masyarakat kerana karya tersebut dapat memberikan sesuatu yang memang diperlukan serta disampaikan kepada khalayak masyarakat lain. Nilai-nilai seperti nilai pendidikan, sosial, moral, dan agama yang terdapat pada karya Minangkabau dapat digunakan oleh masyarakat sebagaimana ia boleh dijadikan sesebuah pedoman dalam kehidupan agar kehidupan dengan baik.

Menurut Amirah Anis Thalib (2017) dengan kajiannya yang bertajuk *Isu-Isu Identiti Budaya Nasional dalam Filem "Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Kajian ini membicarakan tentang pengaruh tradisi Minangkabau yang dimunculkan dalam penceritaan *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka yang menceritakan tentang suku, kaum, agama, kelas sosial dan adat yang perlu diangkat tinggi oleh masyarakat Minangkabau tersebut. Dalam kajian ini menyatakan bahawa identiti suku dan kelas sosial telah menjadi buah mulut masyarakat kini yang lebih memandang harta serta adat tanpa menghiraukan perasaan masyarakat lain yang ingin menyatukan perpaduan lain dengan adat Minangkabau sahaja. Kebanyakan karya berkonsepkan Minangkabau adaah karya Hamka yang telah menjadi salah satu media atau novel yang telah menyayat serta menarik perhatian serta berpengaruh kepada

kehidupan masyarakat. Sehingga orang atasan serta orang ilmuwan beranggapan penceritaan ini bukan hanya seni untuk menghiburkan khalayak masyarakat tetapi ingin menyampaikan suatu pengajaran status sosial kepada masyarakat agar tidak menyesal kemudian hari.

Menurut Haikal Ariffin (2018) dalam kajian yang bertajuk *Kearifan Masyarakat Minangkabau dalam Ungkapan kepercayaan Rakyat*. Objektif kajian yang dianalisis adalah mengenalpasti ungkapan kepercayaan yang dipercayai oleh masyarakat Minangkabau. Bukan itu sahaja, kajian ini juga memperlihatkan tentang maksud ungkapan kepercayaan yang diwujudkan oleh masyarakat Melayu Minangkabau dipercayai dari dulu hingga kini.

### 2.3 Pengkajian Terhadap Pengaplikasian Teori Sosiologi Dalam Novel

Menurut Rahimah Abdul Aziz (1990) dengan tajuk kajiannya *Perapatan Jurang; Sosiologi Dan Sejarah*. Kajian ini membicarakan tentang konsep sosiologi yang dikenali sebagai kuasa, kelas, konflik dan susun lapis yang diaplikasikan untuk menganalisis fenomena sosial dalam konteks masyarakat masa kini. Melalui usaha sedemikian ini telah terhimpun kajian yang menghuraikan berbagai-bagai isu sosial. Kajian ini mengaplikasikan konsep sosiologi yang sama dalam konteks masyarakat yang lepas. Perkara ini berpunca daripada keinginan para sosiologi yang memahami permasalahan dan pembentukan sosial semasa melalui penelitian tentang keadaan kehidupan sosial yang lampau. Dengan adanya usaha-usaha yang dijelaskan di dalam kajian ini adalah usaha daripada penggabungan disiplin sosiologi dan sejarah.

Menurut Noriha Basir (2001) dalam kajiannya yang bertajuk *Representasi Kemiskinan Dalam Novel Jatisaba Karya Ramayda Akmal Berasaskan Teori Sosiologi*. Kajian ini membicarakan tentang pandangan bahawa sastera pada dasarnya merupakan pencerminan dari kenyataan, termasuk kenyataan sosial. Hubungan sastera dengan masyarakat adalah mempelajari sastera sebagai dokumen sosial dan potret kenyataan sosial. Teori yang digunakan ialah sosiologi sastera. Kajian ini digunakan teori tersebut kerana ingin berfokus pada analisis sosiologi karya dan sastera sebagai cerminan masyarakat dengan menggunakan teknik representasi. Bukan itu sahaja, kajian ini menunjukkan adanya empat gambaran kemiskinan dalam novel yang merepresentasikan kenyataan sosial masyarakat serta representasi kemiskinan dengan persoalan sosial yang muncul dalam novel.

Menurut Syarifuddin (2001), dalam kajiannya yang bertajuk *Kajian Struktural Dan Sosiologi Sastera Dalam Novel Seputih Hati Yang Tercebik*. Kajian ini membicarakan tentang menganalisis dan mendeskripsikan struktur novel, dan menganalisis dan memaparkan aspek sosiologi yang dialami tokoh utama dalam novel. Metod yang digunakan adalah secara kualitatif dengan menggunakan pendekatan sosiologi sastera. Disinilah pengkaji mengetahui bahawa novel tersebut mengenai perjuangan hidup tokoh utama dengan diiringi aspek budaya yang kental di setiap daerah yang didatangi tokoh utama.

Menurut Ina Suryani (2001), dalam kajiannya yang bertajuk *Noktah Hitam Agama Dalam Tingkah Laku Sosiologi Masyarakat: Suatu Tinjauan Sosiologi Sastera*. Kajian ini membicarakan tentang tingkah laku masyarakat yang dikaitkan dengan Cerpen *Madame Baptiste* adalah karya sastera yang menarik untuk dikaji. Hal ini kerana menceritakan tentang sikap rohaninya yang enggan melayani pemakaman umatnya kerana mati yang bertentangan agama iaitu dengan jalan bunuh diri. Dalam kajian ini mendapatkan inspirasi betapa agama hendaknya harus menjadi pelayan umat yang adil dan tidak diskriminatif atas masalah apapun yang muncul. Di sinilah, agama harus benar-benar berada di mana-mana asal sejarah dan peradaban. Dengan penceritaan yang mengkaitkan aspek agama sememangnya dipertahankan dengan menggunakan teori sosiologi bagi untuk memantapkan atau meningkatkan lagi kewujudan status sosial masyarakat.

Menurut Shokeri Hassan (2003) dalam kajiannya yang bertajuk *Perkembangan Teori Sosiologi dan Pendekatan Kritikan dalam Kesusasteraan Melayu Dekad 80-an hingga 90-an*. Kajian ini membicarakan tentang kuantiti, kualiti, genre, pengkritik dan pendekatan yang digunakan sepanjang kedua-dua zaman tersebut. Semua esei kritikan yang dipilih telah dianalisis berdasarkan kaedah kuantitatif dan

kualitatif. Disinilah kajian menyatakan tentang esei-esei tersebut dihasilkan oleh beberapa orang tokoh pengkritik seperti Umar Junus, Rahman Shaan, Ahmad Kamal Abdullah, Hashim Awang, Mana Sikana dan Ramli Isin bagi dekad 80-an. Bukan itu sahaja, tokoh dekad 90-an pula terdiri daripada Othman Puteh, Rahman Shaari, Rosnah Baharuddin, Ramli Isin, Ungku Maimunah Mohd Tahir, Sohaimi Abdul Aziz dan Lutfi Abas. Perkara paling menarik yang berlaku dalam dekad 90-an ialah percubaan memperkembangkan penggunaan teori sosiologi dan pendekatan seperti estetika, intertek, semiotik di bawah teori sosiologi mempunyai jenis-jenis teori yang lain. Antaranya seperti takmilah, teksdealisme, dan simboliksme telah mula memperlihatkan perkembangannya dalam sastera Melayu dekad 90-an.

Menurut Mohammad Zaki (2009) dengan tajuk kajiannya *Perilaku Perlanggaran Disiplin Siswa Di Sekolah Di Tinjau dari Kerangka Teori Sosiologi Fungsionalisme*. Kajian ini membicarakan tentang sekolah perlu menjelaskan secara teliti tentang pendidikan disiplin yang berlaku di sekolah kepada pelajar. Hal ini kerana, perilaku yang tidak berdisiplin tetapi tidak tertulis secara jelas pada buku tata tertib. Oleh kerana itu, kajian ini disarankan adanya penyempurnaan buku kata tertib sekolah. Hasil penelitian ini menunjukkan bahawa perkara ini tidak ada yang mengikuti kegiatan dengan berbagai alasan yang salah satunya tidak menyelenggarakan perkara yang di luar jangkaan.

Menurut Norliana Suhaimi (2010) dalam kajiannya yang bertajuk *Analisis Sosiologi Sastera Dalam Konteks Pendidikan Menurut Perspektif Ibn Khaldun*. Kajian ini membicarakan tentang aspek-aspek sosial dalam konteks pendidikan yang terkandung dalam aspek agama yang meliputi kerangka dasar Agama Islam yang sebelum ini dilaksanakan sesuatu pekerjaan harus selalu ingat pada Tuhan Yang Maha Esa, Aspek yang kedua ialah aspek percintaan yang



menjelaskan rasa cinta kasih antara manusia dengan manusia, manusia dengan Tuhan, dan manusia dengan lingkungan sekitarnya. Seterusnya adalah aspek yang mengungkapkan perbuatan-perbuatan yang berhubungan dengan pendidikan serta aspek teknologi yang mengungkapkan penggunaan alat teknologi.

Menurut Muhammad Rusydi Rashid (2012) dalam kajiannya yang bertajuk *Pendekatan Sosiologi Sastera Dan Nilai Pendidikan Dalam Kumpulan Cerpen 9 Dari Nadira Karya Leila. S. Chudori*. Kajian ini membicarakan tentang mendeskripsikan latar belakang sosial budaya dalam kumpulan cerpen 9 dari Nadira. Kajian ini menyatakan tentang nilai positif dan dapat menghindari nilai-nilai negatif, baik yang tersirat mahupun yang tersurat dalam cerita. Dengan pemahaman yang mendalam terhadap nilai-nilai pendidikan yang terkandung dalam kesembilan cerpen tersebut, ajaran kebaikan dapat diambil sebagai cerminan bagi kehidupan. Nilai negatif seperti yang ditunjukkan tokoh Nadira mahupun Nina yang mudah memutuskan bercerai dan melakukan hubungan seks di luar nikah, tokoh Gilang Sukma yang tidak setia dan gemar kahwin cerai, para mahasiswa yang gemar minum minuman alkohol, disinilah pengkaji mengharapkan mungkin memberi pengajaran serta menghindari kerana bertentangan dengan norma agama mahupun moral.

Menurut Nur Fatin Liyana (2013) dalam kajiannya yang bertajuk *Kajian Sosiologi Sastera Pendidikan*. Kajian ini membicarakan tentang pembentukan sosiologi pendekatan dengan sastera pendidikan bagi memahami kaitan teori sosiologi dengan sastera pendidikan. Teori sosiologi pendidikan memiliki perspektif yang pelbagai, sejajar dengan perspektif kajian sosiologi yang lain. Pembahagian perspektif sosiologi pendidikan yang berorientasi makro dan mikro telah menghasilkan sejumlah teori yang berpendapat dengan perspektifnya. Sosiologi pendidikan dapat membantu serba sedikit pembahagian perspektif sosiologi pendidikan. Selain itu, teori

Sosiologi merupakan teori yang utama dan ia mempunyai jenis-jenis dibawahnya. Antaranya adalah Teori Fungsional Struktural, Teori Konflik, Teori interak-sionisme simbolik. Teori sosiologi telah memberi sumbangan yang sekata bagi menarik keupayaan dalam melakukan kajian yang dikaitkan dengan teori sosiologi.

Menurut Syahrizal Akbar (2013) dalam kajiannya yang bertajuk *Kajian Sosiologi Sastera Dan Nilai Pendidikan dalam Novel 'Tuan Guru' karya Salman Faris*. Kajian ini membicarakan tentang mendeskripsikan dan menjelaskan pandangan dunia pengarang mengenai ekisistensi Tuan Guru, latar belakang sosial budaya masyarakat, dan nilai-nilai pendidikan yang terkandung dalam novel "Tuan Guru" karya Salman Faris. Kajian ini menyatakan sebahagian besar masyarakat Lombok yang mengenai latar belakang sosial budaya masyarakat mengamalkan adat dan kepercayaan, pekerjaan, pendidikan, agama, tempat tinggal, bahasa dan suku. Adapun nilai-nilai pendidikan yang terkandung adalah pendidikan sosial, moral, budaya, agama, ekonomi, dan politik.

Menurut Khairul Azman (2014) dalam tajuk kajiannya *Teori Sosiologi Islam; Kajian Sosiologis terhadap Konsep-konsep sosiologi dalam Al-Quran*. Kajian ini membicarakan tentang teori-teori sosiologi yang diperkembangkan di dunia pendidikan sehingga boleh dibangunkan atas dasar pengalaman masyarakat. Teori-teori tersebut menempatkan agama, termasuk Islam sebagai salah satu daripada institusi-institusi dalam masyarakat. Oleh kerana itu, kajian sosiologi terhadap konsep-konsep sosiologi dalam Al-quran menjadi sangat penting dan merupakan keutuhan umat islam. Teori Sosiologi ini adalah disiplin ilmu yang mempelajari interaksi manusia, sejatinya yang boleh memenuhi ruang yang luas. Segala sesuatu yang dilakukan oleh manusia dalam hubungannya dengan manusia lain dipandang sebagai

wilayah kepentingan analisis sosiologi. Oleh kerana itu, sosiologi juga dipandang memiliki nilai strategi bagi perkembangan dan keutamaan kehidupan manusia.

Menurut Zaenal Abidin (2015) dalam tajuk kajiannya *Perilaku Remaja Pengguna Gadget; Analisis Teori Sosiologi Pendidikan*. Kajian ini membicarakan tentang perilaku remaja dewasa ini yang terpengaruh oleh penggunaan gadget. Gadget selain sebagai alat untuk mempermudah dan membantu manusia dalam menyelesaikan pekerjaannya, juga dapat menjadi penyebab penyimpangan perilaku terhadap penggunaannya terutama kalangan remaja masih dalam keadaan mentalnya dan mencari jati dirinya. Banyak sekali perilaku remaja yang cenderung mengalami perubahan yang signifikan setelah sekian lama dan terbiasa dengan penggunaan gadget. Dengan menganalisis penggunaan gadget dan dikaitkan teori sosiologi pendidikan akan membantu serba sedikit dimana individu melakukan sosialisasi untuk menentukan peranannya dalam kehidupan masyarakat. kajian tersebut boleh dikaitkan dengan teori sosiologi kerana teori tersebut amat berkait rapat dengan kehidupan manusia. Sosialisasi merupakan sesebuah proses pengenalan nilai dan norma masyarakat secara sengaja atau tidak yang sedemikian rupa hingga akhirnya terbentuk suatu individu yang utuh. Untuk menjadi individu yang utuh, setiap individu harus mengambil peranan dalam kelompok masyarakat sehingga dia diterima sebagai sebahagian dari suatu kelompok masyarakat.

Menurut Ahmad Mukhlisin (2017) dalam kajiannya yang bertajuk *Aplikasi Teori Sosiologi dalam Perkembangan Masyarakat Islam*. Kajian ini membicarakan tentang teori yang berbentuk paling tinggi dari pengetahuan. Hal ini kerana, tidak kesemuanya para ahli pandai membuat dan menghasilkan teori-teori baru. Di sinilah orang yang berhasil membuat teori sangat dihargai kerana teori merupakan tujuan utama dari ilmu pengetahuan pada umumnya. Hal yang paling

penting yang sama-sama dimiliki oleh para pengkritik adalah bahawa mengkaitkan teori tersebut dengan melukiskan kehidupan sosial atau menceritakan sejarah perkembangan sosial demi kehidupan sebenar atau menceritakan sejarah perkembangan sosial demi kehidupan sebenar serta menceritakan sejarah perkembangan sosial yang datang pada diri sendiri. Mereka lebih berusaha membantu kita untuk melihat masyarakat manusia dengan cara tertentu sehingga apa yang kita peroleh dengan membaca karya-karya mereka tidak hanya lebih banyak informasi mengenai kehidupan sosial, melainkan sesuatu yang jauh lebih penting lagi iaitu sebuah pemahaman yang lebih baik mengenai hakikat hubungan-hubungan sosial manusia.

Menurut Ahmad Johari (2017) dalam kajiannya yang bertajuk *Teori Sosiologi Pendidikan dalam Pembelajaran*. Kajian ini membicarakan tentang teori sosiologi merupakan antara perkara asas kepada sesuatu bidang ilmu, termasuklah bidang psikologi pendidikan. Teori-teori pembelajaran yang boleh diperkembangkan dengan teori sosiologi telah memberi fokus kepada aspek-aspek pembelajaran dan daripadanya datang idea-idea dan prinsip-prinsip tertentu. Perkataan teori sosiologi ini sebenarnya tidak asing bagi kita, malah adakalanya digunakan dalam percakapan atau perbualan seharian. Walau bagaimanapun, penggunaan perkataan teori sosiologi dalam perbualan seharian ini mungkin tidak menepati maksud teori sosiologi yang sebenar.

Menurut Syamsul Rizal (2017) dalam kajiannya yang bertajuk *Analisis Sosiologi Sastera Dalam Novel Berkisar Merah Karya Ahmad Tohari*. Kajian ini membicarakan tentang fakta sosial, peristiwa sosial, perilaku sosial yang terjadi di masyarakat dan perubahan sosial pada tokoh utama dalam novel *Berkisar Merah*. Kajian ini merupakan fakta sosial yang meliputi gejala sosial, norma dan hukum.

Gejala sosial dipengaruhi kemiskinan dan pendidikan pada masyarakat. Bukan itu sahaja, kajian ini juga menyelitikan perilaku sosial meliputi psikologi masyarakat desa pada novel. Oleh itu, teori sosiologi perlu dimasukkan dalam Novel *Berkisar Merah* bagi memantapkan novel tersebut dengan status sosial yang sebenar dalam kehidupan masyarakat.

Menurut Maria Omar (2019) dalam kajiannya yang bertajuk *Kajian Sosiologi Sastera Dan Nilai Pendidikan Dalam Novel Karya Sjai*. Kajian ini membicarakan tentang mendeskripsikan dan menjelaskan pandangan dunia pengarang mengenai tokoh pada novel, latar belakang sosial budaya masyarakat, dan nilai-nilai pendidikan yang terkandung dalam novel *Kumara Hikayat Sang Kekasih* dan *Tanah Kekasih yang Terlupa* karya S.Jai. Kajian ini mengutamakan novel *Kumara Hikayat Sang Kekasih* dan *Tanya Kekasih yang Terlupa* karya S.Jai. Ia menunjukkan bahawa novel *Hikayat Sang Kekasih*, sebahagian besar masyarakat yang berkembang di Kendiri yang merupakan kehidupan seorang Santri, Priyayi dan Abangan yang disusun sebagai dokumentasi sejarah mental masyarakat, sedangkan novel *Tanah Kekasih Yang Terlupa* ini mengungkap adanya perkawinan paksa antara Lastri Sigati anak dari Mak Kaji Idayu Kiyati dengan Matjain (seorang yang mengaku keturunan Sunan Bonang dan memiliki hubungan khusus dengan Raja Majapahit, yakni Prabu Browijoyo VI). Kedua novel karya S.Jai tersebut, juga banyak terdapat nilai-nilai pendidikan. Di dalam artikel ini telah menyelitikan teori sosiologi bagi memperbesarkan lagi pemahaman mengenai status sosial kehidupan masyarakat yang sebenar.

## 2.4 Penutup

Berdasarkan kepada sorotan kajian yang lepas, ternyata sehingga kini masih kurang kajian terhadap status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel-novel terpilih. Pengkajian teori Sosiologi secara khusus yang dapat membuktikan bahawa sesebuah karya itu mempunyai aspek budaya, sosial, agama dan politik. Sehubungan dengan itu, pemilihan teori sosiologi merupakan salah satu teori yang bertepatan dan relevan semasa menjalani kajian ini kerana terdapat aspek-aspek yang mampu mengkaitkan status sosial masyarakat Minangkabau sehingga boleh menjadikan karya sastera sebagai sebuah karya yang mempunyai nilai-nilai moral yang dapat dijadikan ikutan kepada masyarakat luar.

BAB 3  
METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Pada bab ini membicarakan mengenai definisi teori atau pendekatan yang digunakan dalam melaksanakan kajian berkenaan dengan berunsurkan tajuk kajian iaitu *pancaran status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel-novel terpilih*. Segala perbincangan dan penerangan yang dilakukan adalah untuk memastikan objektif kajian dapat dicapai dengan lebih baik dan jelas. Bagi mendapatkan maklumat berkenaan dengan kajian ini, pengkaji telah membuat analisis dengan melakukan pembacaan, penyelidikan bagi mengenalpasti unsur status sosial masyarakat Minangkabau yang ditegaskan oleh pengarang dan menganalisis kesan daripada unsur status sosial masyarakat Minangkabau kepada khalayak.

### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Pengkaji telah memilih cara atau insianif yang menggunakan reka bentuk kualitatif. Reka bentuk kualitatif dipilih kerana pengkaji ingin menganalisis kandungan ayat-ayat yang terdapat dalam novel-novel terpilih iaitu Novel “Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck” dan Novel “Merantau ke Deli” untuk melihat sejauhmana unsur status sosial masyarakat Minangkabau dipegang kukuh sepertimana yang diutarakan oleh penulis Indonesia iaitu Hamka. Melalui kajian ini juga reka bentuk kajian yang digunakan ialah kaedah kepustakaan dan kaedah teks serta pengaplikasian teori yang digunakan.

#### 3.2.1 Kaedah kepustakaan

Menerusi kajian ini, pengkaji telah melakukan kaedah kepustakaan iaitu di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan untuk memperolehi bahan-bahan seperti artikel, jurnal serta akhbar sebagai rujukan untuk kajian ini. Bukan itu sahaja, pengkaji mendapatkan novel “Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck” dan novel “Merantau ke Deli” di perpustakaan tersebut bagi memudahkan lagi pengkaji merujuk dan menyempurnakan kajian ini. Selain itu, pengkaji juga mendapatkan maklumat tambahan di perpustakaan awam Kota Bahru Kelantan. Disitulah pengkaji telah memperolehi pelbagai bahan-bahan sampingan untuk menambahkan lagi rujukan dalam kajian ini.



### 3.2.2 Kaedah Teks

Bagi melengkapkan lagi kajian ini, pengkaji telah menggunakan dua buah novel sebagai bahan utama untuk dikaji. Antaranya novel-novel yang terpilih tentang masyarakat Minangkabau adalah Novel “Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck” karya Hamka, “dan Novel “Merantau ke Deli” karya Hamka.

Novel pertama yang pengkaji ingin menjadikan bahan kajiannya ialah novel “Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck”. Novel tersebut telah dikaryakan oleh Hamka pada tahun 1938. Novel ini adalah karya Hamka yang disampaikan dengan bahasa yang indah untuk mengisahkan kisah cinta antara dua darjat. Cinta anak muda yang masih bergelora jiwanya. Bukan itu sahaja, karya ini juga dikategorikan sebagai karya yang lembut dan sopan, serta memberi kritikan sosial yang tajam pada masyarakat sepertimana yang berlaku di negara ini. Contohnya masyarakat lebih memandang harta dan keturunan dengan menggunakan agama. Karya Hamka ini bukan sahaja membuat bibir tersenyum bahagia kerana dapat menyampaikan pemikiran sesetengah suku kaum tetapi ia juga akan membuat dada sesak menahan hiba. Hal ini kerana, karya ini akan membuatkan pembaca turut dihanyut dalam emosi sepertimana tertulis dalam tajuk novel tersebut.

Sinopsis bagi novel ini adalah kisah cinta Hayati dan Zainuddin yang terhalang oleh adat Minangkabau yang hanya melihat harta kekayaan dan keturunan keluarga sebagai yang pertama dan tertinggi. Karya ini menjadi fenomena. Sehingga ini, karya ini masih lagi menjadi pilihan pembaca walaupun usia karya ini telah menjejak 78 tahun. Malah ia juga telah diterjemahkan menjadi filem serta teater. Novel ini sebenarnya ingin membuat kritikan sosial kepada Minangkabau di Padang Panjar yang sangat mengutamakan adat tanpa menghiraukan perasaan orang lain. Hal ini

jelas dapat dilihat dalam novel tersebut yang telah mengkritik adat di Minangkabau pada ketika itu yang menjadikan darjat dan keturunan sebagai perkara yang besar sehingga memutuskan hubungan antara dua jiwa serta telah digambarkan melalui watak Zainuddin dan Hayati.


Kisah watak utama iaitu Zainuddin, lelaki yang miskin harta tetapi kaya bahasa ini telah menanggung segala keperitan. Zainuddin yang mempunyai ayah yang berasal daripada Minangkabau dan ibunya berasal dari orang Mangkasar. Di Makasar dia dianggap sebagai orang Minangkabau lalu tidak diterima untuk bergaul. Apabila dia sudah menjadi yatim piatu, dia berangkat pula ke ranah Minang. Di sana, dia dianggap pula sebagai orang Mangkasar dan juga tidak diterima oleh orang disana. Sehingga dia bertemu dengan Hayati, Zainuddin mula sedar yang harta itu boleh dicari, rupa itu boleh diterima seadanya dan cinta adalah satu anugerah daripada Tuhan. Hayati seorang gadis yang digelar bunga Batipuh. Paras rupa Hayati sememangnya tiada terbanding dengan perempuan lain tetapi dia tetap sudi untuk berkawan dengan Zainuddin. Mereka berbalas-balas surat dan akhirnya bertukar menjadi cinta. Bermula percintaan mereka yang dianggap sebagai satu anugerah dan hilangnya hanya kerana terpisah oleh ranah Minang yang kuat berpegang dengan adat, sehingga membuatkan Zainuddin diusir daripada kampung tersebut.

Novel kedua yang pengkaji ingin menjadikan bahan kajiannya ialah novel "Merantau ke Deli" karya Hamka yang telah dikaryakan pada tahun 2010. Novel ini berkisarkan tentang sepasang suami isteri yang dipertemukan dengan latar percintaan yang unik. Sepanjang perkembangan penceritaan itu diselitkan dengan pelbagai perlambangan dan gambaran latar sosial dan pesan-pesan tersirat yang diungkapkan dengan hikmah. Lantaran itu, dalam cebisan ulasan kecil ini cuba untuk mengupas mesej-mesej utama yang sewajarnya dijadikan pedoman bersama.

Sinopsis bagi novel ini adalah si suaminya iaitu seorang Padang beradat Minangkabau dan isterinya pula seorang Jawa. Mereka telah mengalami bersama sepanjang perkahwinan mereka. Sama sakit, sama susah payah untuk memulakan hidup dengan penuh kesederhanaan. Dengan peralihan masa dan kesetiaan cinta antara dua insan ini, kehidupan sepasang suami isteri ini semakin baik sehingga telah digelar sebagai "Orang Kaya". Kesetiaan ini kemudiannya diuji dengan segala ujian. Antara ujian yang terbesar mereka alami ialah si suami telah didesak oleh ahli keluarganya untuk memilih antara isterinya yang teguh setia atau adat keluarga yang berlembagaan secara beradat untuk berkahwin dengan orang Minangkabau juga. Manakala isterinya juga didesak untuk memilih supaya hidup dimadukan atau berpisah dengan suaminya yang telah membawanya keluar dari lembah hidup gelap.

### 3.3 Teori

Menurut KarlMax (1989) menyatakan maksud teori sosiologi adalah sesuatu bidang ilmu yang mempelajari mengenai masyarakat serta tingkah laku sebenar masyarakat dengan dikaitkan kelas-kelas yang dimilikinya agar peluasan masyarakat akan dilihat secara luas. Teori sosiologi juga boleh dilihat daripada perilaku individu itu sendiri sepertimana dapat dilihat dengan daripada tindakan dan sikap sesetengah memperoleh status sosial yang diperolehinya. Hal ini kerana, teori sosiologi lebih merujuk kepada status sosial atau kelas sosial yang diutarakan dalam sesebuah pengorganisasian. Maka dengan ini, Karl Max telah melakukan sesuatu pendekatan mengenai individu, masyarakat dengan negara berdasarkan status sosial yang diperolehinya. Bukan itu sahaja, teori sosiologi ini juga diperkenalkan untuk dijadikan insiatif perubahan sesebuah masyarakat itu sendiri. Berikut merupakan carta yang boleh digambarkan tentang penerangan teori sosiologi berdasarkan lingkungan dan kehendak kajian ini.



Kerangka di atas menunjukkan bahawa berdasarkan dengan kehendak kajian dimana teori sosiologi berlaku kerana ia telah mempengaruhi beberapa faktor sehingga terwujudlah ketaksamaan sosial dalam masyarakat. Kerangka ini dasarnya telah diolah oleh pemahaman pengkaji secara umum tentang kewujudan ketaksamaan sosial dalam sesuatu kelompok masyarakat dan telah distabilkan berdasarkan tiga prinsip utama ketaksamaan sosial (status sosial, kelas sosial dan kuasa) dan faktor-faktor yang membentuk ketaksamaan sosial. (Karl Max, 1989).

Ketaksamaan sosial dalam kalangan masyarakat adalah merujuk kepada perbezaan kedudukan yang wujud dalam kehidupan sosial. Ketaksamaan sosial merupakan unsur yang penting dalam kajian sosiologi. Ketaksamaan sosial dalam kajian sosiologi dikatakan wujud dalam semua institusi sosial dan juga dalam kelompok masyarakat. Hal ini dikatakan sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan sepenuhnya dalam kehidupan sosial kerana kewujudannya terbentuk secara semula jadi dan telah distabilkan dalam kehidupan sosial. (Hurst, 1992).

Dalam bidang sosiologi, individu dan masyarakat mempunyai kepentingan yang sama kerana kedua-dua ini adalah saling bergantung antara satu sama lain dan tidak boleh dasingkan. Individu adalah gabungan perjumlahan kelompok masyarakat dan kelompok masyarakat pula menentukan peranan dan identiti individu. Masyarakat dalam sesuatu kumpulan sosial bukan sekadar jumlah sahaja tetapi ia adalah sistem yang terhasil daripada hubungan antara individu yang mempunyai ciri-ciri tersendiri. Individu dan masyarakat adalah bahan kajian yang penting dalam ilmu sosiologi kerana sosiologi adalah kajian tentang sains kemasyarakatan. (Rohana Yusuf, 2010).

Teori sosiologi adalah sains yang digunakan untuk memahami aktiviti atau tindakan sosial yang membawa kepada sebab dan akibatnya. Tindakan sosial ini merujuk kepada semua tingkah laku dan aktiviti yang dilaksanakan mahupun kelompok masyarakat adalah lebih berkait rapat dengan peranan. (Karl Max, 1989).

Peranan manusia tidak boleh diasingkan daripada konsep sosiologi. Manusia melakukan aktiviti berdasarkan peranannya dan hal inilah yang membentuk tindakan sosial. Masyarakat akan menentukan peranan yang harus dimainkan oleh seseorang individu termasuklah pemilihan kerja, mendirikan institusi keluarga, tanggungjawab yang lain berdasarkan tingkah laku dan juga dalam institusi-institusi sosial yang lain. (Karl Max, 1989).

Ketaksamaan sosial ini secara umumnya ditafsirkan sebagai kedudukan manusia dalam struktur sosial yang tidak memberikan ganjaran ataupun keistimewaan sosial yang sama rata kepada semua masyarakat. Ketaksamaan sosial dalam pengedaran ganjaran atau keistimewaan sosial ini boleh mewujudkan perbezaan dalam struktur sosial dan seterusnya membentuk lapisan sosial dalam kalangan masyarakat. (Karl Max, 1989).

Karl Max (1989) menghubungkan stratifikasi sosial dengan institusi ekonomi. Beliau menyatakan bahawa stratifikasi sosial membentuk dua golongan masyarakat iaitu golongan berkuasa yang memainkan peranan penting dalam pengeluaran dan pengawalan terhadap pengeluaran. Golongan pekerja yang dirujuk sebagai golongan yang tidak berkuasa. Berdasarkan kenyataan Karl Max, stratifikasi sosial ini didapati lebih cenderung dengan institusi ekonomi. Kedudukan ekonomi inilah yang menentukan struktur lapisan masyarakat dalam ilmu sosiologi. (Karl Max, 1989).

Secara kesimpulannya, stratifikasi sosial adalah dikatakan sebagai suatu keadaan yang wujud pada semua masyarakat dalam bentuk kecil mahupun besar. Hal ini juga terbentuk daripada perwatakan yang berbeza dalam kalangan masyarakat yang terbentuk daripada peranan dan tugas yang berhubung dengan sesuatu aliran tertentu ini juga akan menentukan kewujudan perbezaan dalam kalangan masyarakat.

Status adalah suatu polisi yang membentuk kedudukan dalam kalangan masyarakat. Istilah “status” adalah berasal daripada perkataan ‘Latin’, “statum” yang membawa maksud berdiri. “Berdiri” dalam konteks status menandakan penghormatan atau prestij. Status merupakan kedudukan sosial individu. Kedudukan ini wujud sebagai satu lokasi yang diduduki oleh seseorang yang mungkin mempunyai hierarki ataupun tanpa hierarki. (Weber, 1969).

Kelas sosial adalah sesuatu yang diperoleh daripada perkembangan individu dalam bidang ekonomi dan kelas adalah kuasa yang berkesan dalam mengukuhkan kedudukan seseorang individu pada kehidupan sosial. Kebanyakan sejarah perkembangan masyarakat dikatakan telah berlaku daripada pengelutan kelas. Hal ini dilihat sebagai suatu kedudukan mereka. Biasanya, tahap kedudukan kelas dalam kalangan masyarakat diperoleh daripada pencapaian ekonomi dan produktiviti. Karl Max (1989) merujuk kepada kelas sosial sebagai kedudukan yang diperolehi daripada kuasa mendominasi ekonomi. (Karl Max, 1989).

Kuasa merupakan satu lagi aspek yang penting dalam membentuk kedudukan sosial dalam sistem pentadbiran sosial. Kuasa adalah unsur yang penting dalam organisasi sosial kerana tiada organisasi sosial yang wujud tanpa kuasa. Kuasa juga adalah elemen yang penting dalam kewujudan stratifikasi sosial. Kuasa biasanya merujuk kepada kebolehan seseorang atau sesuatu pihak untuk membuatkan orang lain atau golongan lain melakukan perkara yang diinginkan. Kuasa adalah unsur yang dapat mengawal dan mempengaruhi individu atau pihak lain. Kuasa juga digunakan untuk mendominasi orang lain dalam apa jua bentuk. (Ting Chew Peh, 1979)

Pada dasarnya status sosial, kelas sosial dan kuasa adalah tiga unsur yang memainkan peranan penting dalam mewujudkan perbezaan kedudukan sosial dalam kalangan masyarakat. Ketiga-tiga unsur tersebut tidaklah menghasilkan ketaksamaan sosial secara langsung kerana terdapat beberapa faktor yang lain mempengaruhinya. Ini antara lain termasuklah aspek-aspek seperti politik, pentadbiran, pendidikan, agama, ekonomi, budaya dan gender. Kesemua ini mampu mempengaruhi status sosial, kelas sosial dan kuasa dalam kalangan masyarakat. (Hamdan Hj Aziz, 2012).

Politik adalah sebuah institusi sosial yang melibatkan kuasa dalam usaha mengekalkan struktur sosial masyarakat. Kuasa dan politik tidak dapat diasingkan kerana kuasa adalah ciri utama dalam politik. Pada umumnya, politik dapatlah ditafsirkan sebagai kuasa yang terbentuk dalam sesuatu sempadan tanah yang mempunyai autoriti dalam mentadbir negara dan juga mengawal masyarakat. Dalam pada ini, kuasa politik adalah merujuk kepada kuasa yang paling tinggi dalam sesuatu negara yang melebihi kuasa-kuasa lain. (Rohana Yusuf, 2010).



Ekonomi biasanya menjadi aspek penting dalam kajian tentang ketaksamaan sosial. Ekonomi ataupun kewangan merupakan sesuatu yang penting dan asas untuk kehidupan duniawi. Istilah ekonomi berasal daripada gabungan dua perkataan bahasa Greek. Ekonomi ialah salah satu cabang ilmu sosial kerana ianya mengkaji gelagat manusia dalam usaha mengagihkan dan menggunakan faktor-faktor pengeluaran untuk memenuhi kehendak manusia yang tidak terbatas. Ekonomi juga turut dirujuk sebagai sains kebajikan kerana ekonomi dikatakan sebagai ilmu untuk mengkaji tentang kebajikan dalam usaha mengagihkan sumber-sumber sosial. (Judah Maras, 1975).

Budaya adalah institusi yang penting dalam kehidupan sosial kerana keseluruhan kehidupan sosial masyarakat adalah terbentuk berdasarkan budaya. Biasanya bangsa yang mempunyai ciri-ciri budaya yang tersendiri adalah dianggap sebagai bangsa yang bertamadun. Budaya bukanlah sesuatu yang sudah tamat atau mencapai puncaknya dalam sistem sosial, tetapi ia merupakan sebuah penunjuk arah kepada sesuatu tugas atau boleh dikatakan sebagai ibarat sesebuah cerita yang masih dan harus disambung. (Wan Abdul Kadir, 2002).

Agama dapatlah ditafsirkan sebagai suatu sistem yang mengaturkan hubungan manusia dengan dunia ghaib dan kuasa yang digelar sebagai tuhan, mengatur hubungan manusia dengan manusia yang ain dan juga mengatur hubungan manusia dengan alam semula jadi. Agama juga adalah aliran kepercayaan individu yang melibatkan emosi yang bersifat peribadi. Agama adalah suatu sistem yang kompleks dalam sesuatu kelompok masyarakat yang merangkumi kepercayaan, tindak tanduk, struktur organisasi dan simbol yang bergantung kepada amalan kumpulan masyarakat tersebut (Rohana Yusuf, 2010).

Gender bermaksud amalan pembinaan sosial yang berhubung kait dengan biologi dan jantina yang membentuk pemahaman tentang individu dalam pengkategorian lelaki dan perempuan. Sistem sosial telah membentuk manusia berasaskan perbezaan dari segi gender dan hal ini membuatkan pemilihan yang berbeza antara mereka. Perbezaan antara kaum lelaki dan wanita ini telah wujud secara semula jadi dari segi fizikal dan hormon. Dari segi sosiologi, kaum lelaki dan perempuan mengalami perbezaan dalam pelbagai aspek di institusi keluarga, amalan budaya, aspek agama dan pendapatan. (Chorn Dunham, 1995).

Pendidikan boleh dikatakan sebagai suatu proses pembelajaran yang berlaku melalui aktiviti pengajaran, latihan, pengajian dan sebagainya untuk memperoleh ilmu dan kepakaran oleh seseorang individu atau kumpulan generasi untuk berlatih kepada suatu tahap yang lain. Pendidikan biasanya berlaku dengan bantuan pengajaran oleh orang lain. Pengalaman hidup dan pekerjaan persendirian juga boleh memberikan ilmu dan pengetahuan. Pendidikan adalah suatu instrumen yang penting dalam usaha membawa perubahan pada diri seseorang individu yang membawa kepada kedudukan yang tinggi. (Rohana Yusuf, 2010).

### 3.4 Penutup

Secara kesimpulannya, bab ini menjelaskan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian yang dijalankan. Pengkaji akan merancang dengan teratur tentang metodologi kajian dan strategi-strategi yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data melalui kaedah-kaedah tertentu. Bukan itu sahaja, bab ini juga telah membincangkan tentang teori sosiologi yang dipilih berasaskan kesesuaian bahan dan topik penyelidikan. Pada dasarnya teori-teori tersebut dapat membantu dalam kajian semasa supaya tidak melepaskan fakta-fakta yang penting. Oleh itu, hal ini juga akan membantu dalam kajian ini untuk mentafsirkan bahan kajian berdasarkan pemikiran dan tafsiran yang telah dikemukakan dalam teori-teori tersebut. Teori-teori yang dipilih dalam kajian ini juga dapat memberikan panduan asas dalam membuat analisis yang munasabah dan membantu dijadikan sebagai kritikan. Bukan itu sahaja, malah ia juga menjadi landasan dalam penyelidikan supaya analisis tidak terpesong daripada subjek perbincangan.

BAB 4  
ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab yang menjalankan untuk menilai sendiri penulisan pengarang dalam novel-novel terpilih. Menerusi novel-novel ini memperlihatkan bahawa sastera bukan sahaja terlihat daripada gaya bahasa yang indah namun dapat juga memperlihatkan tentang unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau yang terkandung dalam karya sehingga dapat memberikan pedoman yang baik kepada masyarakat berdasarkan unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel-novel terpilih ini. Segala unsur status sosial masyarakat Minangkabau ini telah dibangkitkan oleh para pengarang terutamanya dari aspek budaya, sosial, agama dan politik menurut perspektif Teori Sosiologi dalam usaha mengubah perspektif masyarakat terhadap status sosial masyarakat Minangkabau yang terdapat di dalam novel-novel terpilih.

## 4.2 Unsur-unsur Dalam Status Sosial Masyarakat Minangkabau Dalam Novel-Novel Yang Terpilih: Satu Penelitian Teori Sosiologi

Dalam kalangan masyarakat Minangkabau, pengkaji mendapati bahawa masyarakat Minangkabau juga mempunyai status sosialnya yang tersendiri. Pada dasarnya status sosial merupakan hal yang mustahak untuk wujudnya kehidupan sebenar suku kaum tersebut. Hal ini kerana masyarakat Minangkabau mempunyai suatu tetapan kemanusiaan yang sempurna tanpa cacat dan perlu ditaati sehingga akhir hayat mereka.

Oleh itu, pengkaji mengenalpasti bahawa unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau ini berlaku beberapa faktor yang mempengaruhi. Antaranya dari faktor politik, budaya, agama dan sosial. Keempat-empat faktor tersebut merupakan punca utama dalam pembentukan teori sosiologi. Dengan ini, pengkaji menganalisis unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau dengan menggunakan dua buah novel sahaja. Antara unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau yang terdapat dalam kedua-dua novel tersebut ialah kekuasaan, adat merantau, pegangan tradisi, bahasa Minang, sistem mata pencarian hidup dan cara pemakaian.

### 4.2.1 Kekuasaan

Unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau yang pertama ialah unsur kekuasaan. Kekuasaan merupakan sesuatu kemampuan yang dipengaruhi dengan tingkah laku seseorang. Ia juga dapat dirumuskan sebagai kemampuan dari seseorang pelaku untuk mempengaruhi orang lain bagi mengikuti kehendak pelaku. Menurut Ramlah Surbakti (1992), kekuasaan merupakan kemampuan seseorang

untuk mempengaruhi pihak lain tidak kira dari segi fikiran atau perilaku sehingga pihak lain akan terkesan dengan pelaku tersebut. Dalam struktur masyarakat Minangkabau, sesebuah organisasi mereka lebih berpusat kepada hubungan sebelah ibu. Hal ini kerana, adat masyarakat Minangkabau Adat ini telah dipraktikkan sejak tradisi nenek moyang mereka lagi.

Bukan itu sahaja, menurut Max Weber (1992) menyatakan dalam bukunya *Wirtschaft And Gessellschaft* tentang kekuasaan adalah sebuah kemampuan sesuatu hubungan sosial untuk memuaskan kemampuan sendiri walaupun ia akan mengalami pelbagai halangan. Oleh itu, sesebuah kekuasaan di dalam kelompok akan memainkan peranan yang penting kerana ia seperti melantik seorang ketua untuk mengetuai bagi menyelesaikan sesuatu kerja secara teratur dan mudah.

Menurut Barbara Goodwin (2003) juga ada menyatakan bahawa kekuasaan adalah suatu kemampuan agar dapat mengakibatkan seseorang bertindak secara langsung selepas mendengar arahan dari pihak atasan serta tulus apabila menerima arahan yang diberikan kepada seseorang. Kekuasaan ini seperti memaksa seseorang supaya melakukan sesuatu perkara yang bertentangan dengan minat atau niatnya tetapi terpaksa akur kerana seseorang tersebut hanya orang bawahan atau dikenali sebagai orang makan gaji sahaja bagi meneruskan kehidupannya. Selain itu, menurut Walterd Nord (2014) menyatakan bahawa kekuasaan adalah suatu kemampuan agar dapat mempengaruhi tenaga dan fizikal yang sihat supaya ia dapat tersedia untuk mencapai suatu pencapaian yang tidak sama dengan orang lain walhal dengan tujuan yang sama.

Di sini, pengkaji mendapati bahawa unsur kekuasaan boleh didapati di dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dimana ada sebahagian bab dalam novel tersebut mempunyai contoh kekuasaan individu berstatus tinggi. Antara contoh kekuasaan dalam novel “Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck” adalah watak Penghulu Adat atau dikenali sebagai kepala suku kaum Minangkabau yang telah dilantik sebagai pemangkin dan perlu dipertanggungjawab yang diamanahkan, maka setiap kedatangan tetamu perlu meminta keizinan kepadanya. Penghulu Adat juga menyatakan bahawa jika kedatangan tetamu luar tidak mendapat keizinan beliau, tetamu tersebut dikategorikan sama seperti penceroboh untuk merosakkan adat di kampung Padang Panjar itu. Antara contoh petikan yang dapat ditonjolkan dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* adalah:

Petikan 1

“Jadi baik bicarakan dulu dengan penghulu adat suku mande. Begitulah cara kami menerima tamu di sini.”

(HAMKA, 2015: 24)

Berdasarkan dialog di atas, tegaslah bahawa adat masyarakat Minangkabau sememangnya mempunyai unsur kekuasaan. Disini pengkaji dapat melihat bahawa dengan adanya kedudukan yang tinggi seperti penghulu adat, maka setiap patah bicaranyaa akan mempengaruhi pihak lain tanpa yang berani untuk membantah. Di sini pengkaji ingin menjelaskan dialog diatas yang mengenai watak Zainuddin dianggap sebagai pendatang luar walhal bapanya sememangnya berketurunan Minangkabau tetapi dipanggil sebagai pendatang luar. Hal ini kerana bapanya berkahwin dengan perempuan yang bukan berketurunan Minangkabau. Secara mutlaknya bapa Zainuddin telah dibuang serta merta sebagai orang Minangkabau. Hal ini kerana, prinsip masyarakat di Padang Panjar sememangnya amat menitikberatkan keamanan dan kesejahteraan suku kaum mereka di kampung. Oleh itu, apabila tetamu luar datang haruslah dimaklumkan terlebih dahulu dan perlu

meminta persetujuan daripada Datuk Penghulu Adat dan suku kaum di Kampung Padang Panjar itu.

Bukan itu sahaja, dalam novel *Merantau Ke Deli* juga mempunyai unsur kekuasaan dalam kalangan wataknya. Antara contoh unsur kekuasaan yang pengkaji dapati dalam novel *Merantau Ke Deli* adalah daripada watak kuli-kuli yang telah ditipu oleh orang atasan tentang skop pekerjaan di tanah Deli tersebut. Antara contoh petikan yang dapat ditonjolkan dalam novel *Merantau Ke Deli* adalah:

Petikan 2

Mereka ditipu, dikatakan bahawa pekerjaan di tanah Deli itu amat senang, berteduh tidak kena panas, memang tidak kena panas dalam rimba pohon-pohon getah. Lampunya tidak lampu minyak tanah.

(HAMKA, 2015:4)

Berdasarkan dialog di atas, tegaslah bahawa adat masyarakat Minangkabau sememangnya mempunyai kekuasaan apabila dia mempunyai kedudukan tinggi dalam pekerjaannya. Disini pengkaji dapat menjelaskan bahawa dialog di atas menerangkan watak kuli-kuli yang telah terkesan dengan kata-kata orang atasan di Tanah Deli sehingga sanggup meninggalkan kampung halamannya. Kekuasaan orang atasan tersebut hanya mempengaruhi daripada kata-kata sahaja untuk menyakinkan kuli-kuli bekerja di Tanah Deli. Disitulah kekuasaan orang atasan terwujud iaitu dapat mempengaruhi dan menyakinkan masyarakat tanpa menggunakan kekerasan. Hal ini berlaku disebabkan mereka beranggapan sekiranya bilangan pekerja lebih ramai maka skop pekerjaan dan keuntungan syarikat juga melonjak tinggi. Bukan itu sahaja, unsur kekuasaan juga memberi pro dan kontra dalam sesebuah kerjaya. Contohnya mereka sanggup melakukan perkara terkutuk seperti membohong orang bawahan tentang skop pekerjaan di Tanah Deli tanpa memikirkan perasaan mereka yang perlu berjauhan dengan ahli keluarganya di kampung.



Dengan ini, pengkaji dapat menegaskan bahawa unsur kekuasaan merupakan di bawah faktor politik dalam teori sosiologi. Hal ini kerana, unsur kekuasaan dalam kelompok masyarakat Minangkabau selalunya berbentuk peringkat atau piramid. Menurut Karl Max (1989) menjelaskan bahawa pembentukan peringkat atau piramid adalah kelas sosial iaitu di bawah aspek teori sosiologi. Kelas sosial ini tergolong dengan teori sosiologi yang dapat dilihat daripada kedudukan seseorang. Hal ini boleh berlaku kepada diri sendiri kerana kesan sesuatu kekuasaan dapat membuktikan bahawa diri seseorang agar lebih unggul daripada yang lainnya.

#### 4.2.2 Adat Merantau

Unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau yang kedua ialah adat merantau. Menurut Muhaimin Sulam (2017) menyatakan bahawa merantau merupakan suatu kebiasaan yang dilakukan sejak zaman dahulu kala oleh masyarakat Minangkabau. Merantau juga boleh dikategorikan sebagai pergi meninggalkan kampung halaman hanya disebabkan untuk memajukan kehidupan untuk membantu meringankan beban orang yang mereka tersayang di kampung halamannya.

Dalam kehidupan masyarakat Minangkabau terkenal dengan unsur merantau. Hal ini kerana, merantau merupakan sebuah identiti dalam jiwa masyarakat Minangkabau. Konsep merantau bagi masyarakat Minangkabau merupakan kegiatan yang telah dilakukan sejak zaman nenek moyang mereka terdahulu lagi sehingga telah menjadi turun temurun kepada anak cucu mereka. Kebanyakan masyarakat Minangkabau yang pergi merantau adalah untuk menyambung kegiatan yang pernah dilakukan oleh nenek moyang mereka dan ingin mengubah nasib keluarga mereka. Kebanyakan masyarakat Minangkabau yang merantau merupakan anak yang cerdik

dan mempunyai kelulusan pendidikan yang tinggi. Antara kelulusan pendidikan yang mereka perolehi ialah kelulusan SPM, STPM, DIPLOMA atau sebagainya. Tetapi disebabkan jiwa masyarakat Minangkabau lebih tertakluk kepada turun temurun nenek moyang mereka, mereka gagah untuk merantau dan meninggalkan kampung halamannya. Di sini pengkaji dapat melihat bahawa perantauan bagi masyarakat Melayu Minangkabau bukan hanya ingin membantu keluarganya tetapi telah menjadi jiwa masyarakat Melayu Minangkabau untuk menjadi seorang perantauan.

Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa unsur merantau boleh dilihat dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Antara contoh unsur merantau yang terdapat dalam novel tersebut adalah dalam watak Zainuddin yang pergi merantau bersendirian dari Mengkasar ke Padang Panjang untuk menunaikan hajat arwah bapanya iaitu mempelajari agama islam dengan lebih mendalam serta ingin melihat keindahan kampung halaman arwah bapanya. Antara contoh petikan yang dapat ditonjolkan dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* ialah:

Petikan 3

“Sempit rasanya alam sata, Mak Base, jika saya masih tetap juga di Mengkasar ini. Ilmu apakah yang akan saya dapat disini, negeri begini sempit, dunia terbang, akhirat pergi. Biarlah kita sempurnakan juga cita-cita ayah bundaku. Lepaslah saya berangkat ke Padang. Khabarnya konon, di sana hari ini telah ada sekolah-sekolah agama, Pelajaran akhirat telah diatur dengan sebegus-bagusnya.”

(HAMKA, 2015:18)

Berdasarkan dialog di atas, tegaslah bahawa unsur merantau merupakan salah satu unsur status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Hal ini pengkaji dapat melihat daripada watak Zainuddin yang berhasrat untuk pergi ke Padang Panjang iaitu tempat kelahiran arwah bapanya yang tercinta walaupun telah dihalang oleh pembantu arwah kedua ibu bapanya, Daeng Masiga. Niat utama Zainuddin untuk pergi merantau ke Padang

Panjar adalah untuk menunaikan hasrat bapanya iaitu mempelajari agama Islam dengan lebih mendalam serta ingin melihat keindahan yang cantik di Padang Panjang seperti yang diceritakan oleh Mak Base. Namun malang sekali, kehadiran Zainuddin tidak diterima oleh keluarga belah ayahnya di Padang Panjang.

Bukan itu sahaja, pengkaji juga mendapati bahawa unsur merantau juga boleh dilihat dalam novel *Merantau Ke Deli*. Antara contoh adat merantau dalam novel tersebut ialah dalam watak Poniem yang melihat orang-orang yang merantau ke Tanah Deli hanya untuk mencari sesuap nasi bagi memajukan kehidupannya serta ingin meringankan beban kehidupan keluarga di kampung halaman mereka. Antara contoh petikan yang dapat ditonjolkan dalam novel *Merantau Ke Deli* ialah:

Petikan 4

“Kuli-kuli itu terdiri daripada lelaki dan perempuan, dan ada yang bersuami isteri dan ada datangnya tidak beristeri, tidak bersuami datang oleh tengkulak-tengkulak pencari kuli yang pintar itu.

(HAMKA, 2015:5)

Berdasarkan dialog di atas, tegaslah bahawa adat masyarakat Minangkabau dalam novel *Merantau Ke Deli* sememangnya mempunyai unsur merantau dalam jiwa masyarakat Minangkabau. Watak Poniem dapat dijelaskan dengan lebih mendalam bahawa unsur merantau boleh wujud tidak kira lelaki mahupun perempuan, suami isteri, serta segelintir masyarakat yang sanggup tinggalkan suami mahupun isterinya di kampung bagi memajukan kehidupannya serta membantu meringankan beban orang-orang yang tercinta di kampung halaman masing-masing walaupun terpaksa dirinya berjauhan dengan keluarganya sendiri. Unsur merantau ini sememangnya telah menjadi kejiwaan orang muda Minang bagi meneruskan lagi tradisi nenek moyang mereka agar tidak hilang dek zaman yang serba canggih.

Dengan ini, pengkaji dapat menegaskan bahawa unsur merantau merupakan di bawah faktor budaya dalam teori sosiologi Hal ini kerana, unsur merantau dalam sesuatu masyarakat Minangkabau selalunya berlaku daripada sifat semula jadi yang boleh ditakrifkan dengan ketaksamaan sosial seseorang. Menurut Karl Max (1989) menjelaskan bahawa budaya merantau bukanlah sesuatu yang sudah tamat atau mencapai puncaknya sistem sosial tetapi ia merupakan sebuah penunjuk arah kepada sesuatu tugas atau boleh dikaitkan sebagai sebuah sambungan cerita yang masih disampaikan dan harus dipraktikkan dalam kehidupan.

#### 4.2.3 Pegangan tradisi

Unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau yang ketiga ialah pegangan tradisi. Secara umumnya, tradisi merupakan segala hal yang telah disalurkan atau telah diwariskan dari zaman dahulu hingga ke zaman kini. Tradisi juga merupakan sesebuah warisan sosial khususnya yang telah memenuhi syarat-syarat sehingga dapat bertahan dan sepadan kepada masyarakat zaman kini.

Menurut Imtina (2007) pernah menyatakan bahawa tradisi adalah cara atau konsep yang pertama kali dicipta untuk dipergunakan dan memudahkan masyarakat pada zaman dahulu melakukan sesuatu hal. Menurut M. Abed Al-Jabri (2000) telah menyuarakan bahawa tradisi selalunya diwarisi daripada sifat manusia tidak kira nenek moyang kita atau orang yang lebih tua. Tidak kira daripada harta pusaka, kebudayaan atau kesosialan seseorang.

Di sini, pengkaji mendapati bahawa unsur pegangan tradisi yang kuat boleh didapati di dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Antara contoh unsur pegangan tradisi yang kuat dalam novel tersebut adalah daripada watak Datuk Penghulu Adat yang sangat setia atau berpegang teguh kepada tradisi Minang. Lebih

menjelaskan lagi unsur tersebut, watak Datuk Penghulu Adat sanggup menyuruh Zainuddin keluar dari kampungnya, Padang Panjar kerana dia beranggapan jika Zainuddin masih enggan keluar dari Padang Panjar kemungkinan besar Zainuddin boleh merosakkan tradisi Minang dan mengubah pemikiran masyarakat di kampung tersebut. Antara contoh petikan yang dapat ditonjolkan dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* ialah:

Petikan 5

“Maaf Zainuddin ini urusan kami, sebaiknya kamu tidak usah ikut ikutan. Kau bukan orang Minang. Pergilah...”

(HAMKA, 2015:74)

Berdasarkan dialog di atas, tegaslah bahawa adat masyarakat Melayu Minangkabau dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* sememangnya mempunyai unsur pegangan tradisi yang kuat dalam jiwa masyarakat Minangkabau. Hal ini kerana pengkaji dapat melihat betapa teguhnya pegangan mereka mengenai tradisi. Lebih menjelaskan lagi, pengkaji dapat melihat dalam watak Datuk Penghulu Adat yang sanggup mengusir Zainuddin untuk keluar dari kampung dan meminta Zainuddin mempelajari agama di negeri lain. Walhal lebih menyokong Datuk Penghulu Adat mengusir Zainuddin kerana Zainuddin masih berdegil untuk berkawan dengan Hayati. Hayati, anak saudaranya merupakan amanah bagi beliau untuk menjaganya kerana beliau telah berjanji dengan keluarga Hayati bahawa beliau akan menjaga Hayati seperti anak kandungnya. Selain itu, masyarakat di Padang Panjar yang terlalu berpegang teguh kepada tradisi juga sanggup memburuk-burukkan Zainuddin sehingga Zainuddin merasa dirinya telah tersisih daripada sosial masyarakat di Batipuh.

Bukan itu sahaja, pengkaji juga mendapati bahawa unsur pegangan tradisi yang kuat juga boleh didapati di novel *Merantau Ke Deli*. Antara contoh yang menunjukkan unsur pegangan tradisi yang kuat dalam novel tersebut adalah daripada watak Mariatun yang menyatakan bahawa anak perempuan akan lebih berharga dan disanjung tinggi di mata tradisi Minang kerana perkara tersebut merupakan tradisi nenek moyangnya sejak dahulu lagi. Antara contoh petikan yang dapat ditonjolkan dalam novel tersebut adalah:

Petikan 6

Setelah genap bulannya, anak itu pun lahir, anak perempuan. Anak perempuan bagi orang Minangkabau lebih besar harganya daripada anak lelaki. Kerana kalau ada beranak perempuan, ada harapan timbul cinta si ayah akan membuat rumah untuk anaknya.

(HAMKA, 2015:162)

Berdasarkan dialog di atas, tegaslah bahawa pegangan adat yang kuat merupakan salah satu status sosial masyarakat Minangkabau yang dapat pengkaji gambarkan dalam novel *Merantau Ke Deli*. Adat tersebut juga seakan telah menjadi kebiasaan dalam kehidupan masyarakat Minangkabau sehingga telah menerapkan ke dalam jiwa mereka. Lebih menjelaskannya lagi, pengkaji dapat menjelaskan dalam watak Mariatun yang kini telah mengandung dan mempercayai bahawa anak yang dia kandungkan merupakan anak perempuan. Malahan Mariatun beranggapan bahawa kelahiran anak perempuan akan memberi Mariatun dan suaminya ganjaran sepuluh kali ganda kebaikan apabila telah dilahirkan anak tersebut. Contohnya pergaulan antara suami isteri akan bertambah bahagia dan teguh. Disini pengkaji dapat menegaskan bahawa Mariatun amat mempercayai dengan tradisi Minang kerana dalam tradisi tersebut anak perempuan lebih beruntung berbanding anak lelaki. Jelaslah bahawa, unsur pegangan tradisi ini berlaku daripada aspek pro dan kontra kepada perbezaan jantina. Contohnya tentang isu ketidakadilan bagi seorang lelaki dan seorang perempuan.

Dengan ini, pengkaji dapat menegaskan bahawa unsur pegangan tradisi merupakan di bawah faktor agama dalam teori sosiologi. Hal ini kerana, unsur pegangan tradisi dalam sesuatu masyarakat Minangkabau merupakan suatu sistem yang kompleks dalam sesuatu kelompok masyarakat yang merangkumi kepercayaan, tindak tanduk, struktur organisasi dan simbol yang bergantung kepada amalan kumpulan masyarakat tersebut. Menurut Karl Max (1989) menjelaskan bahawa pegangan tradisi ini seakan seperti menghormati adat yang berperanan dalam kehidupan masyarakat Minangkabau. Hal ini kerana, setiap tradisi sememangnya mempunyai kepercayaan dan sistem amalan yang tersendiri sehingga ia amat berkait rapat dengan maruah dan emosi masyarakat tersebut.

#### 4.2.4 Bahasa Minang

Unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau yang keempat ialah bahasa. Bahasa ialah pertuturan yang mencerminkan penutur malah ia dapat mengetahui sifat seseorang dan juga status sosialnya dalam masyarakat. Bahasa juga menunjukkan identiti sesuatu kaum dan bangsa. Oleh itu, masyarakat Minangkabau kini masih giat dengan bahasa Minangnya apabila berinteraksi sesama kaum tidak kira yang tua mahupun yang muda. Hal ini kerana, mereka ingin meneruskan bahasanya supaya tidak ditelan dek zaman dan masih dapat memperkenalkan bahasa atau dialek Minang kepada orang muda dalam suku kaum mereka.

Bahasa yang masih dipraktikkan dalam kaum Minang adalah bahasa tradisi nenek moyang mereka. Jika didengari oleh masyarakat lain akan merasakan keanehan apabila berbicara. Hal ini berlaku kerana mereka tidak pernah diajar atau didedahkan dengan bahasa luar selain bahasa tradisinya sendiri. Tetapi dengan gaya bahasa apabila orang tua dan orang muda bercakap akan menimbulkan perbezaan

kerana penyampaian orang tua dalam bahasanya akan lebih pekat berbanding orang muda.

Disini, pengkaji mendapati bahawa bahasa Minang boleh didapati di novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Antara contoh bahasa Minang yang terdapat dalam novel tersebut ialah perkataan *markonis* yang bermaksud seorang yang mengutuskan telekomunikasi di kapal. Perkataan tersebut boleh didapati di bab 26 yang menyampaikan tentang kehilangan beberapa orang dalam kecelakaan kapal pesawat. Antaranya orang bangsa Eropah, tiga orang kanak-kanak, seorang yang mengutuskan telekomunikasi di kapal, dua kerani dan 59 orang Indonesia. Antara contoh petikan yang dapat ditonjolkan dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* adalah:

Petikan 7

Di antara penumpang-penumpang yang belum kedapatan adalah delapan orang bangsa Eropa, tiga anak-anak, seorang markonis, dua klerk, dan 59 orang Indonesia, dan masih diusahakan mencarinya.

(HAMKA, 2015:276)

Berdasarkan dialog di atas, tegaslah bahawa unsur bahasa Minang merupakan sebahagian status sosial dalam masyarakat Minangkabau. Lebih menjelaskan lagi daripada watak Hayati yang berlakunya kecelakaan kapal pesawat telah memperkenalkan satu perkataan bahasa Minang di mana kalangan masyarakat lain tidak pernah mendengarnya. Perkataan yang penulis HAMKA perkenalkan kepada pembaca iaitu “markonis” yang bermaksud orang yang diamanahkan untuk mengutuskan telekomunikasi di dalam pesawat tersebut. Lebih memudahkan lagi, penulis telah menyediakan satu halaman muka surat terakhir yang dipenuhi dengan perkataan bahasa Minang serta maksudnya supaya memudahkan pembaca atau masyarakat lain mengetahui ejaan perkataan serta maksud daripada perkataan itu.



Dengan adanya kelebihan disitu, kini pengkaji telah mempelajari beberapa perkataan baru iaitu bahasa Minang tersebut setelah mengkaji.

Bukan itu sahaja, pengkaji juga mendapati bahawa unsur bahasa Minang boleh didapati di novel *Merantau Ke Deli*. Antara contoh bahasa yang dapat dilihat dalam novel tersebut ialah perkataan *rumah kemenakannya* yang bermaksud rumah saudaranya. Perkataan tersebut boleh didapati dalam bab 16 yang ditulis oleh Hamka sendiri. Perkataan itu ditonjolkan bagi menunjukkan perasaan Poniem yang berat hati untuk pulang ke kampung halamannya sendiri. Antara contoh petikan yang dapat ditonjolkan dalam novel tersebut adalah:

Petikan 8

Berat rasanya akan menghadap pulang bila mengingat hidup di kampung terutama kalau telah tua kelak. Jasa tak ada di rumah kemenakan kuasa tak besar di rumah anak, akhirnya badan akan tercampak ke suaru buruk. Tetapi itu tidaklah begitu pahit daripada akan berniaga diberi modal oleh Poniem.

(HAMKA, 2015:229)

Berdasarkan dialog di atas, watak Poniem yang berasa berat hati untuk pulang ke kampung halamannya kerana dia tidak pernah sesekali pun menaburkan jasa kepada kampungnya setelah mengikuti suaminya kerja di luar negeri. Bukan sahaja di kampung halamannya sahaja malah di rumah saudaranya juga Poniem tidak pernah menaburkan apa-apa jasa. Sepanjang merantau ke luar negeri, Poniem mengaku bahawa dia tidak pernah sesekali menanyakan perkhabaran tentang keluarganya di kampung apatah lagi ingin mengirimi duit kepada keluarga. Poniem merasakan dirinya seperti mayat hidup yang tidak pernah berjasa kepada keluarga terdahulu dan kini telah dilanda kesusahan baru dia terhegeh-hegeh untuk pulang ke kampung halamannya. Jelaslah bahawa, unsur bahasa Minang ini sememangnya telah membantu khalayak masyarakat membuka mata untuk mempelajari bahasa baru selain bahasa kebangsaan sahaja.

Dengan ini, pengkaji dapat menegaskan bahawa bahasa minang merupakan di bawah faktor sosial dalam teori sosiologi .Hal ini kerana, bahasa Minang dalam sesuatu masyarakat Minangkabau merupakan sesuatu proses pembelajaran oleh seseorang individu sebagai sebahagian dalam pengalaman kehidupannya, Sosial ini boleh berlaku mengikut perkembangan masa, tempat tinggal, sistem pemerintahan, pembangunan sains dan teknologi dan sebagainya. Di sini pengkaji dapat menjelaskan bahawa berbicara dan mempelajari bahasa minang ini tidaklah terbentuk oleh mana-mana pihak, tidak disokong dan juga tidak mempunyai sebarang peraturan atau undang-undang tertentu serta tidak dikawal oleh institusi agama mahupun pihak-pihak yang terlibat.

#### 4.2.5 Sistem mata pencarian hidup

Unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau yang kelima ialah sistem mata pencarian hidup. Menurut *Kamus Dewan* (2005) menyatakan bahawa mata pencarian merupakan aktiviti manusia untuk memperolehi taraf kehidupan yang lebih selesa. Pada awalnya mata pencarian ini terhasil daripada dua pihak tetapi jika mereka telah berkahwin harta sepencarian mereka akan menjadi satu dan bilangannya akan lebih tinggi berbanding sebelumnya. Pencarian utama masyarakat di dunia adalah mata pencarian yang tulus. Hal ini kerana, pencarian tersebut diperolehi daripada penghasilan sesebuah pekerjaan yang halal.

Bagi masyarakat terdahulu, mata pencarian mereka adalah melalui pekerjaan tradisional iaitu masyarakat terdahulu lebih memanfaatkan hasil dari alam seperti mengaut keuntungan daripada berburu, menangkap ikan, menanam atau seakan dengannya. Hal ini kerana, pada zaman dahulu wang ringgit merupakan perkara yang tidak laku. Jika masyarakat terdahulu ingin menukar dengan barang

tersebut sama seperti menggunakan sistem barter bagi mendapatkan barang yang dia inginkan.

Menurut *Kamus Dewan* (2005) menyatakan bahawa sistem mata pencarian hidup adalah segala kekayaan yang dikongsi bersama dengan penghasilan oleh kedua pihak. Dalam ilmu ekonomi, mata pencarian hidup juga disebut sebagai nyawa. Bukan itu sahaja, mata pencarian hidup juga dapat dihitung dalam nilai mata wang untuk menentukan besaran dan nilai harta tersebut. Mata pencarian hidup tersebut memiliki nilai dan boleh menghitung dengan nilai mata wang. Mata pencarian hidup yang lama juga mempunyai nilai yang tersendiri dan kemungkinan akan memberi nilai yang lebih lumayan.

Disini, pengkaji mendapati bahawa unsur mata pencarian hidup boleh didapati di dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Antara contoh unsur mata pencarian hidup yang terdapat dalam novel tersebut ialah watak Hayati yang telah terpedaya dengan mulut manis, harta benda dan hawa nafsu seorang lelaki yang kini telah menjadi suaminya iaitu Aziz. Antara contoh petikan yang dapat ditonjolkan dalam novel tersebut adalah:

Petikan 9

“Hayati, Kau tertipu. Kau terpedaya dengan mulut manis. Mereka telah menipumu dengan harta benda dan hawa nafsu. Bagi mereka cinta hanya dapat berdiri dengan patri harta dan hawa nafsu. Mereka telah salah menerangkan, maka katakana bahawa hidup itu ialah buat makan dan buat minum saja atau buat mengumpul-ngumpulkan baju yang baru, gubtingnya yang indah dan paling model.”

(HAMKA, 2015:166)

Berdasarkan dialog di atas, tegaslah bahawa sistem mata pencarian hidup masyarakat Minangkabau dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* sememangnya lebih mementingkan harta kekayaan berbanding budi pekerti

seseorang. Hal ini kerana, adat Minangkabau sememangnya ingin mencari kehidupan yang lebih selesa selepas berkahwin lagi-lagi kaum wanita. Lebih menjelaskan lagi daripada watak keluarga Hayati beranggapan bahawa kaum wanita setelah berkahwin dengan orang yang berkemampuan akan lebih bahagia jika wang ringgit menjadi faktor utama berbanding cinta. Bukan itu sahaja, mereka juga ingin mahu menumpang kesenangan bagi meringankan beban yang telah dialami oleh keluarga Hayati. Hal ini kerana, mereka merasakan sepanjang membesarkan atau menjaga Hayati daripada kecil hingga kini perlu mendapat sedikit sanjungan. Selain itu, adat Minangkabau dalam keluarga Hayati juga beranggapan bahawa Hayati akan mendapat sebahagian harta daripada suaminya, Aziz kerana Aziz merupakan usahawan yang terkenal dan kaya pada masa itu dan harta kekayaan Aziz semestinya tidak akan habis. Oleh itu, keluarga Hayati memandang sekiranya Hayati berkahwin dengan Aziz ia telah cukup menjamin kebahagiaan Hayati selepas berkahwin berbanding Zainuddin. Tetapi malangnya kehidupan Hayati kini lebih sengsara dengan sikap Aziz yang berfoya-foya. Walaupun Hayati hidup dalam keadaan yang sengsara.

Bukan itu sahaja, pengkaji juga mendapati bahawa sistem mata pencarian hidup dalam adat Minang boleh didapati di novel *Merantau Ke Deli*. Antara contoh yang menunjukkan sistem mata pencarian hidup yang terdapat dalam novel tersebut ialah daripada watak Poniem yang menyatakan bahawa jika mereka memperolehi anak perempuan akan memberi keuntungan dan hidup tuah dalam kehidupan anak perempuan itu. Hal ini kerana menurut adat Minang menyatakan bahawa anak perempuan lebih layak menerima harta benda sepencaharian hidup ibu bapanya serta harta benda suaminya berbanding anak lelaki. Hal ini kerana, adat Minang menyatakan bahawa ia akan lebih mengangungkan martabat kaum wanita berbanding lelaki kerana prinsip masyarakat Minangkabau kekuatan seorang lelaki

lebih besar berbanding kaum wanita. Antara contoh petikan yang dapat ditonjolkan dalam novel tersebut adalah:

Petikan 10

“Lantaran telah beroleh anak perempuan, bentuk rumah tangga menjadi lain, Harta benda sudah ada harganya, mencari wang sudah mesti lebih bersungguh-sungguh daripada yang dahulu. Apa lagi di samping mencarikan harta benda untuk isteri, orang Minangkabau terikat pula oleh kewajipan pada familinya sendiri, iaitu saudara-saudara dalam sukunya.”

(HAMKA, 2015:163)

Berdasarkan dialog di atas, tegaslah bahawa sistem mata pencarian hidup masyarakat Minangkabau sememangnya lebih mengutamakan kaum wanita berbanding kaum lelaki. Lebih menjelaskan lagi dalam watak Poniem yang menyatakan bahawa mata pencarian hidup akan diberi sepenuhnya kepada anak perempuan berbanding anak lelaki kerana itulah adat-adat Minang yang mereka pelajari pada zaman nenek moyang mereka. Bukan itu sahaja, adat Minang juga pernah menyatakan bahawa mata sepencarian hidup akan dimiliki sepenuhnya kepada kaum wanita manakala kaum lelaki di tradisi Minangkabau hanya boleh menjaga wasiat sahaja tetapi bukan memiliki. Jika wanita tersebut telah meninggal dunia, harta sepencarian itu akan diturunkan kepada anak perempuan sahaja. Manakala jika mereka telah berkahwin atau telah meninggal dunia, Maka harta benda tersebut sebaliknya akan diturunkan kepada anak-anak saudara belah perempuan. Jelaslah bahawa mata sepencarian dalam kehidupan masyarakat Minang lebih mengutamakan dan memartabatkan kaum wanita dalam sesebuah organisasi mereka.

Dengan ini, pengkaji dapat menegaskan bahawa sistem mata pencarian hidup merupakan aspek politik dalam teori sosiologi. Hal ini kerana, sistem mata pencarian dapat disamakan dengan makna ekonomi. Hal ini kerana, Menurut Karl Max (1989) juga pernah menyatakan bahawa politik mempunyai ikatan yang

rapat dengan ekonomi. Hal ini sedemikian kerana pentadbiran sesuatu negara adalah bergantung pada keadaan politik dan kerajaan di sesebuah negara. Hal ini kerana ingin dijadikan politik yang stabil yang kepuasan yang tinggi kepada rakyat. Pihak yang mempunyai kuasa serta mata sepencarian yang lebih tinggi akan membuat keputusan bagi pihak masyarakat. Sebagai rumusannya dapatlah dikatakan bahawa politik merujuk kepada kuasa dan ekonomi. Hal ini kerana, politik dan ekonomi adalah antara dua perkara yang mempunyai hubungan yang rapat. Kedua-dua hal ini mewujudkan ketaksamaan sosial dalam kalangan individu mahupun masyarakat kerana ia boleh mendominasi seseorang.

#### 4.2.6 Cara pemakaian

Unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau yang keenam ialah cara pemakaian. Menurut Yusuf Al-Qaradawi (2017) menyatakan bahawa cara pemakaian adalah tatehias pada diri sendiri untuk memajukan semangat serta keyakinan diri sendiri agar lebih tinggi. Ia merupakan satu aspek pengurusan diri yang mentikberatkan tentang kekemasan, kesempurnaan dan kesesuaian berpakaian dalam penampilan diri semasa urusan rasmi atau di majlis. Di samping tu aspek pemakaian perlu dipertimbangkan kerana ia akan mewujudkan nilai seseorang untuk menjadi masyarakat yang lebih berhemah.

Di sini, pengkaji mendapati bahawa cara pemakaian boleh dilihat dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Antara cara pemakaian yang terdapat dalam novel tersebut adalah dalam watak Hayati yang berubah penampilannya dengan memakai pakaian yang menjolok mata semasa melihat persembahan kuda. Disitulah Zainuddin terlihat lalu mengutuskan surat kepada Hayati bahawa pemakaian yang dipakai oleh Hayati pada siang hari itu kurang sesuai untuk dipakai apabila

keluar walaupun pakaian tersebut merupakan trend pada masa itu. Antara contoh petikan yang dapat ditonjolkan dalam novel tersebut adalah:

Petikan 11

Hayati!! Apa yang saya lihat kelmarin? Kenapa telah berubah pakaianmu? Telah berubah gayamu? Mana baju kurungmu? Bukannya adinda orang dusun. Saya bukan mencelah bentuk pakaian orang kini. Yang saya celah ialah cara yang telah berlebih-lebihan. Dibungkus perbuatan terlalu dengan nama mode.” Kelmarin adinda pakai baju yang sejarang-jarangnya hampir separoh dada. Adinda kelihatan sempit pula bunting lengannya dan pakaian itu yang dibawa ketengah-tengah ramai.”

(HAMKA, 2015:107)

Berdasarkan dialog di atas, tegaslah bahawa cara pemakaian masyarakat Minangkabau sememangnya amat penting tidak kira lelaki mahupun wanita. Hal ini kerana, cara pemakaian seseorang boleh dilihat mengenai sifat serta sikap seseorang itu. Contohnya daripada watak Hayati yang hanya memakai baju kurung serta selendang tersebut di kampung amat kelihatan bahawa Hayati seorang yang budi pekerti orangnya dan akhlaknya amat menghormati orang tua. Manakala pemakaian Hayati di bandar seolah-olah bukan dirinya hanya disebabkan Hayati memakai pakaian yang tidak sopan walhal pakaian tersebut merupakan pakaian yang trend pada masa itu. Walaupun pada masa itu Hayati tidak ingin memakai pakaian tersebut tetapi telah didesak oleh Khadijah, adiknya Aziz. Bukan itu sahaja, Khadijah menyatakan bahawa pakaian Hayati pada masa itu dianggap kolot serta memalukan keluarganya apabila ingin berkeluar bersama. Lebih menjelaskan lagi dalam watak Hayati yang telah ditegur oleh Zainuddin tentang pemakaiannya yang menjolok mata serta kurang bersesuaian bagi masyarakat Minangkabau untuk memakainya. Hal ini kerana, masyarakat Minangkabau merupakan adat yang tinggi dan perlu dihormati walau bukan dari kata-kata. Kerana daripada perbuatan dan pemakaian juga boleh melambangkan sifat dan sikap seseorang suku kaum itu.

Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa cara pemakaian boleh dilihat dalam novel *Merantau Ke Deli*. Antara contoh cara pemakaian dalam novel tersebut ialah watak Poniem dan anak perempuannya yang penuh dibaluti dengan barang kemas. Walhal anak perempuannya yang masih kecil juga Poniem memakaikan barang kemas tersebut untuk niat menunjuk-nunjuk. Antara contoh petikan yang dapat ditonjolkan dalam novel tersebut adalah:

Petikan 12

“Jangan kalah hendaknya daripada pakaian Poniem seketika dia dibawa pulang dahulu dan anak sendiri perempuan. Pakaian anak perempuan meskipun belum cukup usianya 2 tahun, tentu ada pula hendaknya. Sekurang-kurangnya subang emas semacam, gelang tangan, gelang kaki, dan dukuh. Semuanya tentu daripada emas.

(HAMKA, 2015:166)

Berdasarkan dialog di atas, tegaslah bahawa cara pemakaian masyarakat Minangkabau sememangnya amat penting tidak kira lelaki mahupun wanita. Hal ini kerana, cara pemakaian seseorang boleh dilihat mengenai sifat serta sikap seseorang itu. Bukan itu sahaja, cara pemakaian seseorang juga boleh dilihat daripada tatahias mereka bagi melihat keangkuhan serta kekayaan yang diperolehi oleh mereka. Lebih menjelaskan lagi daripada watak Poniem yang menghiaskan dirinya serta anaknya adalah lebih ingin menunjuk-nunjuk kepada orang ramai. Walhal anak yang kecil itu Poniem juga memaksa untuk memakai barang kemas bagi kelihatan bahawa anak dan ibunya merupakan keturunan orang yang berkemampuan. Daripada cara pemakaian tersebut, pengkaji dapat melihat bahawa Poniem hanya ingin menunjuk-nunjuk tanpa menghiraukan keselamatan diri sendiri.

Dengan ini, pengkaji dapat menegaskan bahawa cara pemakaian merupakan aspek budaya dalam teori sosiologi. Menurut Karl Max (1989) menjelaskan cara pemakaian adalah dikategorikan sebagai kehidupan manusia yang



merangkumi unsur-unsur seperti ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, nilai-nilai moral, undang-undang, adat resam, sifat tersendiri yang diadaptasikan oleh manusia dalam kehidupannya.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.3 Kesan Status Sosial Masyarakat Minangkabau kepada Khalayak Masyarakat

Status sosial secara umumnya didefinisikan sebagai suatu aturan dan cara hidup bagi masyarakat Minangkabau. Ianya mencerminkan segala perbuatan yang adakalanya dilakukan setiap hari sama ada secara lisan atau perbuatan. Status sosial ini merupakan sesuatu perkara yang selalu difahami oleh masyarakat Minangkabau dalam kehidupan mereka. Bagi masyarakat Minangkabau pula, status sosial dianggap sebagai sebuah konteks lisan yang tinggi sekali martabatnya dipandang tinggi dalam kehidupan mereka. Status sosial dalam konteks masyarakat Minangkabau bukan sekadar daripada cara bersanding, jenis makanan, cara pembuatan dan sebagainya tetapi ia juga dianggap sebagai suatu peraturan hidup yang perlu dipegang kuat oleh generasi mereka. Disitulah wujudnya istilah-istilah seperti undang-undang dalam kehidupan atau sebagainya. Dengan kewujudan status sosial ini telah menjadi suatu pengungkap identiti bangsa suku kaum masyarakat Minangkabau dan terus dipertahankan. Walaupun ia merupakan tradisi lama bagi zaman dahulu, tetapi masyarakat Minang masih giat meneruskan kegiatan yang telah diwarisi oleh nenek moyang mereka.

Dengan ini, status sosial masyarakat Minangkabau sememangnya memberi peranan yang penting kepada khalayak masyarakat. Oleh itu, pengkaji dapat memanipulasikan bahawa status sosial masyarakat Minangkabau telah memberi pelbagai kesan kepada masyarakat yang lain. Antara kesan status sosial masyarakat Minangkabau kepada khalayak masyarakat ialah tidak berhak untuk mencampuri tradisi Minangkabau, bilangan pengangguran meningkat, memupuk kesetiaan dalam diri, bertukar pendapat dan pandangan, lebih menghormati wanita dan cara pemakaian yang betul.

#### 4.3.1 Tidak berhak mencampuri tradisi masyarakat Minangkabau

Kesan pertama status sosial masyarakat Minangkabau kepada khalayak masyarakat adalah masyarakat lain selain masyarakat Minang tidak berhak untuk mencampuri tradisi Minangkabau apatah lagi untuk membantah atau seangkatan dengannya. Mencampuri tradisi masyarakat suku kaum Minangkabau sememangnya akan menimbulkan kesan negatif kepada suku kaumnya. Hal ini kerana, dalam masyarakat Minang beranggapan jika masyarakat lain mencampuri tradisi itu ia seolah-olah mahu merosakkan adat mereka yang kian telah dipelihara dari sejak lahir hingga kini. Oleh itu, kita sebagai suku kaum lain seharusnya menghormati adat yang telah diwarisi oleh mereka sejak zaman nenek moyangnya lagi. Antara contoh petikan yang dapat ditonjolkan dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan novel *Merantau Ke Deli* adalah:

Petikan 13

“Lebih baik engkau tinggalkan Batipuh ini, tinggallah di Padang Panjang. Sebab namamu disebut-sebut orang banyak sekali. Tadi sore mande mendengar beberapa anak muda hendak bermaksud jahat kepadamu.”

(HAMKA, 2015:73)

Petikan 14

“Apa lagi di samping mencarikan harta benda untuk isteri, orang Minangkabau terikat pula oleh kewajipan kepada familinya sendiri, iaitu saudara-saudara dalam sukunya.”

(HAMKA, 2015:163)

Contoh petikan di atas ini, pengkaji dapat menegaskan bahawa apabila kita mencampuri tradisi masyarakat mereka bukannya kita dapat membantu siapa-siapa bahkan ia kemungkinan besar lebih berpotensi berlaku pergaduhan antara suku kaum Minang dan masyarakat lain. Disitulah akan berlakunya bermasam muka antara suku kaum yang lain seterusnya berlaku berperangan hanya disebabkan ingin menegakkan pendirian mereka masing-masing. Selain itu, ia juga akan mengganggu

kesihatan mental kerana memikirkan perkara yang tidak sepatutnya untuk kita berfikir. Di sini kita dapat ketahui bahawa tradisi Minangkabau sememangnya tidak sewenang-wenangnya untuk menerima pandangan orang luar lagi-lagi bukan keturunan mereka. Hal ini kerana, tradisi mereka merupakan suatu peraturan yang wajib dilaksanakan oleh mereka mahupun dari lisan atau perbuatan sepanjang kehidupan mereka. Jika mereka mengingkari peraturan itu, mereka seolah-olah telah merosakkan amanah nenek moyang mereka. Sememangnya niat kita sebagai masyarakat lain cuma ingin memudahkan sesuatu perkara yang dirumitkan oleh tradisi mereka. Oleh itu, kita hanya ingin membetulkan cara pemikiran masyarakat Minangkabau agar dapat memudahkan kepada semua pihak. Tetapi malangnya niat utama kita hanya dipandang negatif oleh suku kaum mereka.

Disini pengkaji dapat melihat bahawa setiap keputusan tentang tradisi masyarakat Minangkabau hanya dapat dibincangkan dan dipersetujui oleh suku kaum masyarakat Minang sahaja. Hal ini kerana masyarakat Minangkabau hanya takut bahawa tradisi masyarakat mereka akan pupus hanya disebabkan hasutan daripada masyarakat bukan berketurunan Minangkabau. Ia juga beranggapan bahawa mencampuri tradisi masyarakat mereka merupakan sesuatu perkara yang mudah orang luar memusnahkan tradisi mereka yang kian bertahan sejak zaman nenek moyangnya lagi. Jelaslah bahawa mencampuri tradisi suku kaum lain merupakan sesuatu permulaan berlakunya pergaduhan sehingga bermusuhan tanpa masyarakat sedari.

#### 4.3.2 Bilangan pengangguran meningkat

Kesan kedua bagi status sosial masyarakat Minangkabau kepada khalayak masyarakat adalah bilangan pengangguran akan lebih meningkat. Di sini pengkaji mendapati bahawa khalayak masyarakat kini telah kekurangan pekerjaan

hanya disebabkan masyarakat Minangkabau lebih menyukai merantau berbanding bekerja di kampung halaman mereka sendiri. Bukan itu sahaja, adat Minangkabau lebih menggalakan orang muda Minang untuk keluar meninggalkan kampung halamannya bagi memupuk sikap orang muda memikul tanggungjawab dan meningkatkan kematangan mereka. Disebabkan pemikiran masyarakat Minangkabau sebegitu, ia telah menyukarkan masyarakat lain untuk memperolehi pekerjaan bagi meneruskan kehidupan serta ingin membantu meringankan beban keluarga masing-masing. Disitulah akan menimbulkan suatu kewujudan permasalahan ekonomi yang kini amat penting dan harus ditangani dalam pasaran buruh. Tetapi bagi sesetengah masyarakat menegaskan bahawa permasalahan pengganguran hanya berlaku dalam jangkaan yang pendek sahaja bagi meneruskan proses semulajadi kepada individu-individu yang bergerak di antara satu pekerjaan ke pekerjaan yang lain atau dari segi pergerakan alam persekolahan ke pasaran kerja. Antara contoh petikan yang dapat ditonjolkan dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan novel *Merantau Ke Deli* adalah:

Petikan 15

“Saya mesti ikut!” kata Muluk. ‘Saya tertarik dengan Guru. Sebab itu bawalah saya menjadi jongos, menjadi pelayan, menjadi orang suruhan di waktu siang di dalam pergaulan hidup, dan menjadi sahabat yang setia yang akan mempertahankan jika Guru ditimpa susah.”

(HAMKA, 2015:199)

Petikan 16

“Ramai dan riuh rendah orang di kebun. Hari sekarang malam sau, malam tanggal bulan yang baru,pekerja-pekerja berlarian dalam kantor setelah menerima gaji masing-masing, gaji yang diharapkan dari awal ke hujung bulan, yang menyebabkan setiap hari mereka memeras keringat dengan tiada mengingat payah dan lelah.”

(HAMKA, 2015:1)

Contoh petikan di atas ini, pengkaji dapat menegaskan bahawa bilangan pengganguran kini semakin meningkat hanya disebabkan adat Minangkabau yang lebih menggalakkan orang muda bagi kaum mereka melakukan kegiatan

merantau bagi meneruskan kehidupan mereka tanpa menghiraukan kehidupan masyarakat lain. Salah satu faktor berlakunya peningkatan pengganguran ini disebabkan sektor ekonomi seperti kilang, syarikat atau seumpamanya di negara ini hanya mengambil bilangan pekerja mengikut skop pekerjaan di syarikat itu.

Disini, pengkaji dapat melihat bahawa hanya disebabkan keegoan masyarakat Minangkabau ini, ia telah menganiayai masyarakat lain untuk memperolehi pekerjaan yang sememangnya layak untuk mereka bekerja. Tetapi malangnya, pekerjaan tersebut telah dipenuhi pekerja yang berketurunan Minang sahaja walaupun gaji yang ditawarkan oleh mereka lebih rendah daripada kelulusan yang mereka kecapai. Jelaslah bahawa, bilangan pengganguran kini meningkat sememangnya keegoan masyarakat Minang yang lebih mementingkan tradisi kegiatan nenek moyangnya walaupun mereka ketahui bahawa dalam negara ini pelbagai suku kaum yang perlu pekerjaan bagi meneruskan kehidupan mereka.

#### 4.3.3 Memupuk kesetiaan dalam diri

Kesan ketiga bagi status sosial masyarakat Minangkabau kepada khalayak masyarakat adalah memupuk sikap kesetiaan dalam diri. Tradisi masyarakat Minangkabau telah mengajari khalayak masyarakat agar memupuk sikap berpegang teguh walau pelbagai perkara. Contohnya dari segi perkara yang telah diwariskan atau diperturunkan oleh seseorang. Berpegang teguh ini boleh dikategorikan sebagai suatu sikap untuk diamanahkan oleh sesuatu perkara yang diwariskan oleh orang tua kita.

Menurut Hassan Abduh (2014) menyatakan bahawa kesetiaan merupakan suatu sifat yang menimbulkan ketulusan diri agar tidak melanggar atau mengkhianat perkara yang diamanahkan kepadanya. Bukan itu sahaja, kesetiaan juga bererti perjuangan, anugerah, pergorbanan dan kesabaran seseorang untuk menjaga kegiatan yang diperlakukan oleh zaman nenek moyang dari zaman dahulu kala hingga zaman kini. Cara ingin memupuk sikap kesetiaan dalam diri adalah memberi perhatian, menjaga dan tidak membiarkan perkara tersebut berlarutan tanpa menyentuhnya. Bukan itu sahaja, sikap itu juga timbul hanya disebabkan terlalu risau daripada kerosakkan yang kita tidak ingini. Antara contoh petikan yang dapat ditonjolkan dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan novel *Merantau Ke Deli* adalah:

Petikan 17

“Sebulan dua di belakang itu, Zainuddin masih tetap berulang-ulang hampir tiap-tiap hari ke kubur Hayati. Oleh kerana beroleh pemandangan dari Muluk, supaya hidupnya tenteram dan pikirannya jangan sampai terganggu, hendaklah dia mulai melupakan kejadian yang sedih itu, maka ada jugalah reda pikiran itu sedikit, dan telah mulai pula mengarang dan menyusun hikayat, yang isinya lebih mendalam dan meresap dari yang dahulu.

(HAMKA, 2015:285)

Petikan 18

“Sudah terlepas daripada beban yang amat berat, demikianlah rasanya hati Leman sejak bercerai dengan Poniem. Meskipun masih kerap kali juga teringat olehnya kebagusan pergaulannya dahulu dengan perempuan yang telah diceraikannya.”

(HAMKA, 2015:162)

Contoh petikan di atas ini, pengkaji dapat menegaskan bahawa kesetiaan merupakan suatu peraturan yang telah ditetapkan oleh nenek moyang mereka. Oleh itu, mereka seharusnya berpegang teguh dengan adat yang disampaikan oleh nenek moyang mereka agar tradisi tersebut tidak pupus dek zaman. Ia juga merupakan sebahagian daripada budaya yang sudah berakar umbi di dalam jiwa masyarakat Minangkabau. Dengan tradisi inilah, masyarakat Minangkabau

dianggap sebagai suku kaum yang terhormat oleh suku kaum yang lain atas ketaatan dan kesetiaan yang tinggi dalam jiwa mereka.

Disini, pengkaji melihat bahawa kesetiaan dalam jiwa masyarakat Minangkabau sememangnya tinggi dalam kehidupan mereka. Mereka beranggapan bahawa mereka yang melanggar peraturan tradisi serta membantah segala peraturan yang diwujudkan oleh zaman nenek moyang mereka seharusnya dibuang daripada suku kaum tersebut. Selain itu, masyarakat Minangkabau juga beranggapan bahawa melanggar suatu peraturan tersebut juga telah melanggar amanah yang diperturunkan oleh orang tua mereka. Disitulah pengkaji dapat melihat bahawa sikap kesetiaan mereka dapat dipelajari oleh khalayak masyarakat bagi menerapkan diri dengan sikap kesetiaan walau dalam apa cara sekalipun. Dengan adanya sifat kesetiaan tersebut, pengkaji yakin bahawa ia boleh memupuk kemasyarakatan yang harmoni dan sentosa. Jelaslah bahawa sikap kesetiaan dalam diri seharusnya memupuk sejak kecil lagi agar ia akan mewujudkan sesuatu kekeluargaan yang harmoni dengan saudara suku kaum yang lain.

#### 4.3.4 Bertukar pendapat

Kesan keempat bagi status sosial masyarakat Minangkabau kepada khalayak masyarakat ialah masyarakat dapat bertukar pendapat atau pandangan untuk mendapat persetujuan bersama tanpa ada berlaku perselisihan. Contohnya, masyarakat dapat bertukar pendapat mengenai adat Minang dengan adat suku kaum lain. Disitulah timbulnya sesi pertukaran adat sepanjang kehidupan seseorang. Bukan itu sahaja, ia juga dapat mempelajari pelbagai adat daripada pelbagai suku kaum tanpa perlu membayar sebarang pembelajaran tersebut. Wujudnya kaedah ini, ia dapat mengeratkan lagi hubungan antara suku kaum tersebut dengan suku kaum lain.



Dengan kesan ini juga, ia dapat menimbulkan persefahaman dan sikap kekeluargaan walaupun berlainan kaum. Antara contoh petikan yang dapat ditonjolkan dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan novel *Merantau Ke Deli* adalah:

Petikan 19

“Dua hari setelah pertunjukkan itu, Aziz membawa isterinya ziarah ke rumah Zainuddin. Dan beberapa hari di belakang, Zainuddin bertandang pula ke rumah Aziz. Di sanalah mereka mengatur budi bahasa yang halus, memperingati zaman yang lampau tatkala di Padang Panjang, yang sekira-kira tidak akan menyedar kepada pembicaraan cinta.”

(HAMKA, 2015:219)

Petikan 20

“Kalau saya memintamu jadi isteriku, kalau sekiranya saya ajak engkau keluar dari kebun kerana kontrakmu hanya tinggal sebulan lagi, kalau sekiranya saya suruh engkau meninggalkan mandur besar, lalu kia lari ke tempat lain di tanah Deli ini, kita kahwin dengan baik; akan engkau tolak jugakkah?”

(HAMKA, 2015:15)

Contoh petikan di atas ini, pengkaji dapat menegaskan bahawa masyarakat digalakkan untuk mengamalkan prinsip bertukar pendapat antara satu sama lain walaupun berlainan suku kaum agar dapat mencapai persepakatan dan keputusan rasmi yang melibatkan kepentingan bersama demi untuk kebaikan semua kaum. Oleh itu masyarakat seharusnya terus menerapkan prinsip bersatu hati dalam apa jua keadaan sekalipun. Masyarakat kini janganlah mempunyai sikap seperti kedekut pandangan untuk kepentingan diri sendiri. Hal ini kerana, bertukar pandangan akan menimbulkan perkara yang positif untuk memperkembangkan masyarakat cerdik pandai dan memajukan masa depan negara.

Disini, pengkaji dapat melihat bahawa sikap bertukar pendapat perlu diterapkan dalam jiwa masyarakat. Hal ini kerana, sikap bertukar pendapat sememangnya telah menjadi sebahagian dalam jiwa masyarakat Minangkabau. Setelah mengkaji novel-novel yang penuh dengan tradisi Minang, pengkaji mendapati

bahawa banyak unsur status sosial yang pada sebelum ini hanya dipandang remeh merupakan sesuatu unsur yang amat dititikberatkan oleh suku kaum Minang. Jelaslah bahawa sikap bertukar pendapat merupakan suatu nilai yang manfaat kepada khalayak masyarakat untuk memperkembangkan masyarakat yang cerdik pandai serta dapat memajukan pelbagai aspek dalam sesebuah negara.

#### 4.3.5 Lebih menghormati wanita

Kesan kelima bagi status sosial masyarakat Minangkabau kepada khalayak masyarakat adalah lebih mementingkan kehormatan kaum wanita. Dalam tradisi Minang sememangnya telah memupuk jiwa masyarakat Minang untuk menghormati kaum wanita dalam pelbagai segi. Hal ini kerana, kaum wanita dianggap sebagai makhluk yang lemah di sisi kaum lelaki. Oleh itu, masyarakat Minangkabau sepatutnya perlu menjaga dan mempertahankan kaum wanita daripada berlaku sebarang kecelakaan atau kecederaan. Bukan itu sahaja, dalam tradisi Minang juga dapat dilihat tentang pembahagian harta akan diperturunkan segalanya kepada kaum wanita. Bagi masyarakat Minangkabau, ia beranggapan bahawa kaum lelaki mempunyai daya tenaga yang tinggi untuk mencari keperluan sendiri tanpa mengharapkan sesiapa untuk membantunya. Antara contoh petikan yang dapat ditonjolkan dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan novel *Merantau Ke Deli* adalah:

Petikan 21

“Sekaranglah baru dia insaf sedikit, dia kembali eranjak di kasurnya.  
“Sekarang saya insaf, haram saya menyentuh tangannya, dia buka tunanganku, bukan isteriku!”

(HAMKA, 2015:188)

Petikan 22

“Oh, jadi rupanya masih hendak mencuba-cuba! Saya Cuma memberi ingat. Kerana siapa pun perempuan, bagaimanapun hinanya, buruk dan baiknya adalah kepandaian lelaki memegang, lain tidak.”

(HAMKA, 2015:28)

Contoh petikan di atas ini, pengkaji dapat menegaskan bahawa masyarakat Minangkabau menggalakkan kaum lelaki untuk merantau bagi memikul tanggungjawab dan mengajar diri mereka bersikap matang. Selain itu, tanggungjawab utama bagi kaum lelaki adalah untuk meringankan beban orang tuanya sebelum mendirikan rumah tangga. Disitulah nilai tanggungjawab kaum lelaki dihitung dengan tanggungjawab yang dipikul sepanjang kehidupannya. Hal ini kerana sesuatu tanggungjawab yang dipikul oleh kaum lelaki merupakan amanah yang perlu dilaksanakan oleh mereka sebelum mereka meninggal dunia.

Disini, pengkaji dapat melihat bahawa adat Minangkabau lebih mengutamakan kaum wanita kerana kudrat seorang wanita disangkakan sangat lemah dari pelbagai segi. Disebabkan itu jugalah tradisi masyarakat Minangkabau lebih memartabatkan kaum wanita dengan memberi segala harta sepencarian atau harta warisan kepada kaum wanita. Bukan itu sahaja, daripada perkahwinan juga keluarga adat Minang sangat melihat tentang sumber pendapatan agar anaknya dijamin hidup dalam keselesaan dan kebahagiaan. Jika seorang lelaki tersebut ingin mengkahwini pasangannya yang berketurunan Minang maka lelaki tersebut seharusnya mempunyai harta kekayaan bagi memberikan keselesaan yang baik kepada isterinya. Selain itu, lelaki tersebut juga perlu menyerahkan segala mata sepencarian kepada isterinya kerana adat Minang pernah menyatakan bahawa harta sepencarian bersama atau sepencarian suami akan diturunkan oleh isterinya apabila sang suami telah meninggal dunia. Hal ini kerana, isterinya sememangnya berhak untuk memperolehnya agar harta tersebut boleh membantu serba sedikit bebanan

yang ditanggung oleh isterinya selepas kematian suaminya. Jelaslah bahawa wanita sememangnya seorang makhluk yang lemah dan perlu dilindungi oleh seorang lelaki agar kehidupan wanita tersebut lebih selamat.

#### 4.3.6 Cara pemakaian yang betul

Kesan bagi status sosial masyarakat Minangkabau yang terakhir kepada khalayak masyarakat adalah cara pemakaian yang betul. Pemakaian merupakan salah satu pengukuran dan berketrampilan sifat semulajadi seperti dalam syariat Islam walaupun telah berlakunya suatu pembaharuan dan kemodenan dalam era ini. Bukan itu sahaja, perkara yang mengikut syariat Islam tidak akan sewenang-wenangnya mudah untuk mengkritis identiti agama Islam walaupun kebanyakan masyarakat lebih berpandukan pemakaian barat berbanding pakaian dalam syariat Islam.

Dalam tradisi masyarakat Minangkabau sememangnya cara pemakaian amat dititikberatkan kerana mereka beranggapan bahawa kaum wanita yang berketurunan Minang amat menjaga pemakaian agar tidak dipandang serong dan sinis kerana memakai pakaian seksi dan ketat demi mengikut peredaran zaman. Bukan kaum wanita sahaja, cara pemakaian bagi kaum lelaki juga dititikberatkan supaya kaum lelaki tidak semudahnya untuk membuang atau mengeneipkan pakaian yang lebih islamik dengan cuba berpakaian menyerupai trend kini. Disitulah yang dikatakan bahawa masyarakat Minangkabau akan mengelakkan orang muda mengikut peredaran zaman kerana pemakaian yang diajarkan oleh nenek moyang mereka menggambarkan identiti seorang Muslim dan Muslimah yang sejati. Antara contoh petikan yang dapat ditonjolkan dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan novel *Merantau Ke Deli* adalah:

## Petikan 23

“Hayati, kehidupanku! Pakailah pakaianmu yang asli kembali, lekatkan pakaian dusunmu. Maafkah Hayati, bahawa Hayati sangat cantik dan kecantikkannya itu bukannya dibantu pakaian, tetapi ciptaan sejak dia dilahirkan.”

(HAMKA, 2015:108)

## Petikan 24

“Itu fasal pakaian. Adalagi yang lebih penting, iaitu peti menyanyi, piringnya barang 20 buah, meja kayu jati yang buatan Medan. Meskipun di kampung sendiri ada juga meja, namun itu tidak boleh dilupakan. Demikian juga cawan pinggan, barang-barang gelas agak satu peti kecil. Semuanya perlu.

(HAMKA, 2015:167)

Contoh petikan di atas ini, pengkaji dapat menegaskan bahawa pemakaian bagi suku kaum lain juga tidak menolak sebarang bentuk urusan atau sesuatu perkara yang boleh mendatangkan kecantikan. Bahkan suku kaum mereka juga menitikberatkan setiap perkara agar dipakai perlu kelihatan cantik, bersih dalam keadaan yang elok serta menjaga kebersihan. Bukan itu sahaja, setiap pemakaian bagi setiap suku kaum juga tidak ada menetapkan secara khusus bentuk pemakaian bagi seorang lelaki dan wanita. Kreativiti dalam pemakaian adalah terserah kepada individu tersebut mengikut kesesuaian tempat dan masanya selagi mana ia tidak melanggar batasan dalam tradisi sesuatu suku kaum itu. Oleh itu, kesemua pegangan kaum suku akan mempunyai tujuan yang sama iaitu memakai pemakaian yang betul agar dipandang baik oleh masyarakat sekeliling. Bukan itu sahaja, bagi yang berkemampuan seharusnya memakai pakaian yang baru dan terbaik terutama pada hari-hari yang istimewa seperti Hari Raya Puasa atau seangkatan dengannya. Hal ini kerana, dengan pemakaian sahaja dapat melambangkan keterampilan yang tinggi serta meningkatkan keyakinan apabila berhadapan dengan orang ramai.

Disini, pengkaji telah melihat bahawa tradisi masyarakat Minangkabau sememangnya mementingkan pemakaian yang betul. Oleh itu, pengkaji mengharapkan bahawa masyarakat lain dapat memupuk diri sendiri agar memakai pakaian yang sopan dan baik untuk keselamatan diri sendiri. Pakaian yang nipis dan menjolok mata merupakan pakaian orang Barat yang tidak bersesuaian untuk dipakai dalam negara kita. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa masyarakat Minangkabau tidak semudahnya untuk mengikuti cara pemakaian pihak luar. Hal ini kerana, tradisi Minang telah mengajar masyarakat Minangkabau untuk menjaga keselamatan diri adalah bermula daripada pemakaian mereka tersendiri. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa masyarakat Minang akan menghiraukan kata-kata masyarakat sekeliling tentang pemakaian mereka seperti pemakaian yang kian kuno serta kolot dan tidak bersesuaian untuk dipakai pada zaman kini.

Hal ini kerana, mereka lebih mementingkan keselamatan diri mereka berbanding menonjolkan dirinya kepada orang yang bukan muhrim. Jelaslah bahawa tatahias oleh masyarakat Minang amat dititikberatkan oleh suku kaum mereka bagi menjaga kehormatan mereka sebagai suku kaum Minang serta ingin melindungi diri daripada berlaku perkara yang tidak disangka dek akal.

#### 4.4 Penutup

Kesimpulannya, bab ini berfokus kepada analisis kajian daripada dua sumber iaitu unsur-unsur dalam status sosial dalam novel-novel yang terpilih masyarakat Minangkabau: satu Peneltian Sosiologi dan kesan status sosial masyarakat Minangkabau kepada khalayak masyarakat. Bab ini memaparkan keputusan penganalisan kajian bagi menjawab ketiga-tiga persoalan kajian dan mencapai objektif kajian iaitu mengenalpasti unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel-novel yang terpilih serta menganalisis peneltian teori sosiologi tentang status sosial dalam novel-novel yang terpilih dan mengkaji kesan status sosial masyarakat Minangkabau kepada khalayak masyarakat. Dalam analisis kajian ini mendapati bahawa status sosial dalam masyarakat Minangkabau telah memainkan peranan penting kepada masyarakat lain. Hal ini kerana, adat Minangkabau telah menjadi teras utama serta kuat dalam membentuk elemen naratif dalam kedua-dua buah novel tersebut. Oleh itu, unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau dapat ditemui dalam kedua-dua buah novel iaitu melalui novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan novel *Merantau Ke Deli*. Bukan itu sahaja, tradisi masyarakat Minangkabau juga telah memberi kesan positif dan negatif kepada sosial masyarakat. Oleh itu, status sosial masyarakat Minangkabau dalam sesebuah penulisan tidak kira dalam prosa atau puisi perlu ditingkatkan agar ia menjadi sebuah karya yang menarik minat membaca kepada masyarakat sekeliling. Seterusnya, dalam bab 5 ini merupakan bab pengakhiran dalam tesis ini. Disitulah merupakan penghasilan yang terakhir bagi menyempurnakan tesis ini sebelum diutarakan oleh khalayak masyarakat.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, akan membincangkan dapatan dan rumusan yang telah didapati menerusi hasil analisis dan perbincangan yang telah terdapat dalam bab 4 serta dapat kemukakan beberapa implikasi serta cadangan yang mempunyai makna yang tersendiri dalam menyampaikan sesuatu perkara. Menerusi kajian ini juga pengkaji dapat menyimpulkan bahawa karya yang dihasilkan oleh para pengarang mempunyai maksud dan pancaran status sosial mengenai masyarakat Minangkabau dalam novel-novel terpilih bagi disampaikan kepada pembaca. Hal ini bertujuan untuk memantapkan hasil kajian yang telah dijalankan.



## 5.2 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini terbahagi kepada lima bab. Pembahagian dalam keseluruhan bab ini telah diambil kira dan ia juga merupakan aspek yang sangat penting dalam kajian ini. Disini, pengkaji telah mengutarakan dalam bab 1 tentang pengenalan kepada tajuk kajian yang dilakukan serta status sosial mengenai masyarakat Minangkabau. Tambahan juga, bab 1 ini juga telah dirumuskan tentang pernyataan masalah, persoalan kajian dan objektif kajian bagi memantapkan lagi kajian tesis tersebut. Tidak dilupakan juga bahawa pengkaji telah menjelaskan sepenuhnya mengenai spesifikasi pemilihan bahan-bahan kajian, kaedah kajian dan definisi operasi dalam bab ini.

Berdasarkan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa pancaran status sosial dalam novel-novel yang terpilih masyarakat Minangkabau: Satu Penelitian Sosiologi telah menimbulkan pelbagai peranan dimana status sosial masyarakat Minangkabau kini kurang didedahkan dalam kajian-kajian lepas. Oleh itu, pengkaji mengkaitkan teori sosiologi bagi memantapkan lagi mengenai pancaran status sosial masyarakat Minangkabau agar dapat membantu serba sedikit dalam kajian lain. Dalam analisis kajian juga pengkaji telah mengeluarkan beberapa unsur status sosial masyarakat Minangkabau yang selama ini dipandang remeh oleh masyarakat. Oleh itu, pengkaji menyelitkan beberapa pendekatan status sosial masyarakat Minangkabau dengan teori sosiologi kerana kedua-dua aspek tersebut mempunyai hubungkait. Bukan itu sahaja, pengkaji menjelaskan bahawa teori sosiologi merupakan teori yang jelas mengenai taraf kehidupan seseorang termasuklah status sosial masyarakat Minang yang kini kurang dilontarkan kepada pihak ramai. Fungsi teori sosiologi juga adalah menganalisis perkara-perkara yang telah menjadi warisan dan perlu diperturunkan oleh nenek moyang mereka bagi menjadi pengajaran kepada

orang muda zaman sekarang. Jelaslah bahawa teori sosiologi telah membantu serba sedikit kajian tesis ini bagi membentuk tesis yang berkualiti dan digunapakai oleh orang ramai.

Pengkaji juga telah mengkaji bahawa status sosial dalam masyarakat Minangkabau ini kurang ditonjolkan pada masa kini hanya disebabkan pemikiran khalayak masyarakat sekarang yang beranggapan bahawa kesemua tradisi masyarakat Minang ini kebanyakan adalah sulit. Bukan itu sahaja, pengkaji juga telah menganalisis sejauhmana keteguhan kepercayaan masyarakat Minangkabau mengenai tradisi yang diperturunkan dari zaman dahulu hingga kini sehingga pengkaji perlu menggunakan pengkaedahan metodologi kajian bagi membantu memantapkan lagi kajian ini. Dengan adanya bantuan metodologi ini, pengkaji percaya bahawa pengkaedahan metodologi kajian ini merupakan sebuah kajian yang dapat mengurangkan kecelaruan yang tertimbul dalam kajian tersebut,

Berdasarkan kajian bab 2 pula, pengkaji telah mengemukakan beberapa pemilihan kajian-kajian yang lepas untuk dijadikan sebagai sorotan dalam kajian tersebut. Kajian-kajian ini dipilih berdasarkan penyesuaian tajuk kajian yang dilakukan. Antaranya mengenai masyarakat Minangkabau dan pengaplikasian teori sosiologi dalam sesebuah kajian. Hal ini kerana, ianya sedikit sebanyak dapat dijadikan sebagai sebuah garis panduan dalam melaksanakan kajian tersebut. Setiap sorotan kajian ini, pengkaji telah menganalisis kajian lepas yang dikemukakan oleh pengkaji tanah air Malaysia dan luar negara. Disini, pengkaji mendapati bahawa kajian-kajian lepas ini telah membincangkan serba sedikit mengenai masyarakat Minangkabau yang berada di dalam novel-novel terpilih bagi mengemukakan setiap unsur status sosial masyarakat Minang itu. Berdasarkan hasil kajian-kajian lepas ini juga pengkaji dapat merumuskan bahawa terdapat pelbagai faktor yang telah

mempengaruhi khalayak masyarakat untuk mengetahui dengan lebih mendalam serta menarik minat segala hal mengenai tradisi dalam kalangan masyarakat Minangkabau.

Berdasarkan kajian bab 3 pula, pengkaji telah mengkaitkan status sosial serta teori yang dipilih dalam kajian ini iaitu teori sosiologi yang diasaskan oleh Karl Marx (1989). Kewujudan bab 3 ini bertujuan untuk menyelesaikan kecelaruan serta menyampaikan pemahaman yang jelas terhadap status sosial yang berlaku dalam masyarakat Minang. Bagi memantapkan lagi, pengkaji juga menggunakan pengkaedahan metodologi kajian untuk menjadi sokongan sampingan dalam kajian ini. Dengan adanya bantuan metodologi kajian ini, pengkaji telah merancang beberapa strategi yang teratur untuk mendapatkan maklumat dan data melalui kaedah-kaedah tertentu. Selain itu, pengkaji juga telah membincangkan mengenai teori sosiologi yang telah wujud daripada beberapa faktor yang mempengaruhinya seperti politik, sosial, agama, budaya dan sebagainya. Dengan adanya kewujudan teori-teori ini ia telah membantu pengkaji agar tidak sewenang-wenangnya terlepas fakta-fakta yang penting. Pada masa yang sama, teori sosiologi ini juga telah membantu kajian ini untuk mentafsirkan bahan kajian berdasarkan pemilihan dan tafsiran yang telah dikemukakan dalam teori-teori sebelum ini serta menjadi landasan dalam penyelidikan agar perbincangan ini tidak lari dengan tajuk penyelidikan.

Tambahan juga, berdasarkan kajian bab 4 pengkaji telah mengemukakan jawapan bagi persoalan kajian dalam tesis ini serta telah memfokuskan ketiga-tiga objektif kajian mengenai pancaran status sosial dalam novel-novel terpilih masyarakat Minangkabau: Satu Penelitian Sosiologi. Antara perkara penting dalam analisis kajian ini adalah mengenalpasti unsur-unsur dalam status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel-novel yang terpilih, menganalisis satu penelitian teori sosiologi bagi memantapkan kajian tersebut serta mengkaji kesan

status sosial masyarakat Minangkabau kepada khalayak masyarakat. Di dalam bab ini, pengkaji telah merungkaikan beberapa unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel-novel yang terpilih serta mengkaitkan teori sosiologi bagi mengukuhkan lagi kajian tersebut. Dalam analisis kajian ini juga, pengkaji mendapati bahawa status sosial dalam masyarakat Minangkabau sememangnya amat memainkan peranan penting kepada khalayak masyarakat tidak kira secara pro dan kontra. Disitulah pengkaji dapat memaparkan keputusan yang tepat dengan jelas setelah menganalisis kajian bagi menjawab ketiga-tiga persoalan kajian dan mencapai objektif kajian.

Akhir sekali berdasarkan kajian bab 5 ini, pengkaji hanya melakarkan kesimpulan keseluruhannya berdasarkan kajian daripada bab pertama hingga bab keempat dapatlah pengkaji mencapai suatu matlamat serta mengukuhkan objektif kajian dalam pancaran status sosial masyarakat Minangkabau. Pengkaji menegaskan bahawa tidak semestinya tradisi masyarakat Minang kesemuanya adalah positif dan kepada khalayak masyarakat bagi memupuk jati diri yang tinggi dalam diri masing-masing.

### 5.3 Implikasi Kajian

Bahagian ini merupakan satu perbincangan tentang implikasi berdasarkan perbincangan analisis kajian ini. Pengkaji menggariskan dua implikasi utama yang melibatkan implikasi teoritis dan implikasi amalan. Implikasi teoritis adalah merujuk kepada perbincangan untuk mengkaitkan hasil dapatan kajian dengan teori berdasarkan analisis- analisis yang telah dikemukakan dalam kajian ini. Manakala implikasi amalan pula merupakan langkah-langkah yang perlu disarankan atau tindakan yang perlu dikemukakan oleh kesemua pihak. Dengan ini, pengkaji telah membincangkan implikasi teoritis dan implikasi amalan bagi memantapkan lagi tesis tersebut.

#### 5.3.1 Implikasi Teoritis Kajian

Implikasi teoritis kajian ini telah melibatkan teori yang sememangnya memberi peranan yang penting dalam sesebuah penyelidikan khususnya dalam bidang kehidupan yang dinyatakan oleh teori sosiologi. Teori ini merujuk untuk dijadikan kajian tersebut lebih padat dan jelas. Teori sebelum ini pada dasarnya hanya merujuk daripada pemikiran penulis HAMKA sahaja. Tetapi dari sudut teori sosiologi, ia telah menjadikan teori ini sebagai suatu penerangan yang lebih sistematik dan teliti terhadap sesuatu fenomena yang kian berlaku. Jelaslah bahawa teori sosiologi ini boleh dikategorikan sebagai perhubungan bagi menerangkan dan meramalkan fenomena sosial. Di dalam teori sosiologi ini telah membentuk untuk dijadikan sebagai panduan awal pembolehubah yang mungkin diwujudkan dalam sesuatu kajian.

### 5.3.2 Implikasi Amalan Kajian

Perbincangan implikasi amalan dalam kajian ini telah diperkembangkan kepada individu, masyarakat dan institusi. Hal ini kerana, implikasi amalan ini lebih menjelaskan mengenalpasti unsur status sosial masyarakat Minangkabau. Bukan itu sahaja, implikasi amalan kajian juga telah merungkaikan langkah-langkah bagi meningkatkan pemahaman adat Minang kepada masyarakat lain. Tujuan utama implikasi amalan ini adalah untuk mengajar, mendidik, mengkritik dan menjadi bahan fikir serta bahan rasa kepada khalayak masyarakat.

#### 5.3.2 Implikasi individu

Implikasi individu tentang kajian ini adalah untuk meningkatkan pembacaan dan pemahaman seseorang mengenai pancaran status sosial masyarakat Minangkabau dalam novel-novel terpilih. Hal ini kerana, status sosial merupakan aspek utama yang menerangkan dalam sesebuah tesis tersebut. Disitulah munculnya penghargaan, pengakuan atau kemunculan sifat masyarakat Minang. Maka terhasillah bahawa aspek utama telah memberi tindak balas yang kuat kepada analisis kajian yang lain bagi meningkatkan lagi pemahaman mengenai pancaran status sosial masyarakat Minang di mata masyarakat lain. Tambahan juga, kini masyarakat perlu mewujudkan kesosialan antara perkaumanan yang lain bagi mewujudkan perpaduan di negara ini.

Setiap individu juga berhak untuk bersuara bagi menambah ilmu agar menjadi satu taksiran yang tepat kepada masyarakat lain bagi merungkaikan fakta tersebut. Bukan itu sahaja, ia juga dapat memupuk kalangan individu untuk meningkatkan pembacaan dan penambahan ilmu dengan aliran yang betul. Jelaslah

bahawa pengkaji menegaskan bahawa impikasi individu dalam kajian ini lebih memupuk aspek positif berbanding aspek negatif. Hal ini kerana, pembaca atau masyarakat akan lebih mendapatkan pemahaman yang betul dan jelas berbanding di sosial media.

Perbincangan kajian ini juga melibatkan implikasi kepada masyarakat. Hal ini kerana, setiap masyarakat sememangnya memiliki status sosial tersendiri. Status merupakan perwujudan atau pencerminan dari hak dan kewajiban tingkah laku yang disampaikan oleh khalayak masyarakat. Oleh itu, status sosial dalam kalangan masyarakat ini telah memperlihatkan menerusi kedudukan atau posisi, peringkat seseorang dalam sesebuah kelompok masyarakat. Dalam kajian ini juga pengkaji mendapati bahawa ia telah mengimpikasikan kepada beberapa sistem pelapisan masyarakat. Kewujudan sistem sosial yang terpenting dalam khalayak masyarakat ini adalah untuk menstabilkan kedudukan dalam sesebuah organisasi serta dapat memajukan kehidupan khalayak masyarakat walaupun berlainan suku kaum.

Pengkaji juga dapat merungkaikan bahawa kewujudan status sosial juga berdasarkan peringkat masyarakat Minangkabau sekaligus boleh menghasilkan pancaran status sosial masyarakat Minang kepada para audiens yang membaca. Hal ini amat bersesuaian setiap jenis pembacaan bagi meningkatkan kematangan, penerimaan terbuka bagi pandangan yang luas serta bertolak ansur untuk berkongsi pendapat kepada para pengkarya untuk menghasilkan sesebuah naratif seperti teks agar ia lebih bermanfaat kepada khalayak masyarakat. Oleh itu, kajian dan analisis pada sebelum ini telah pengkaji menegaskan bahawa status sosial masyarakat Minang sememangnya jarang diperkenalkan atau dipertengahan isu tersebut oleh khalayak masyarakat sehingga tradisi ini semakin hari semakin pupus tanpa masyarakat sedari.

Hasil kajian ini juga telah mengimpilikasikan kepada pihak institusi. Hal ini kerana, pihak institusi merupakan pihak yang paling utama bagi menyampaikan atau mengetengahkan isu status sosial kepada pihak lain, Bukan itu sahaja, pihak institusi juga seharusnya menjadikan kajian ini sebagai rujukan utama kepada khalayak masyarakat agar tidak sewenang-wenangnya untuk memperlekehkan status sosial suku kaum Minang. Pihak institusi juga boleh menyediakan pelbagai maklumat dengan lebih terperinci mengenai status sosial masyarakat Minang dengan pelbagai faktor. Antara bahan kajian yang dapat diketengahkan dalam status sosial masyarakat Minang adalah daripada artikel, buku-buku rujukan, bahan naratif atau sebagainya. Pihak yang berkenaan terutamanya pihak institusi juga boleh membantu serba sedikit pembolakan mengenai status sosial masyarakat Minangkabau agar lebih teratur dalam khalayak masyarakat. Jelaslah bahawa status sosial ini akan sememangnya wujud dalam implikasi individu, masyarakat dan pihak berkenaan bagi meningkatkan kedudukan masyarakat Minang kepada khalayak masyarakat.

Dengan impilkasi teoritis kajian dan implikasi amalan kajian, pengkaji juga telah menggemukakan beberapa langkah-langkah yang seharusnya dilaksanakan bagi menegakkan hak-hak dan kewajipan dalam masyarakat Minang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



#### 5.4 Cadangan

Kajian ini merupakan satu kajian terhadap pancaran status sosial masyarakat Minangkabau terhadap khalayak masyarakat. Namun demikian, pengkaji juga gagal untuk menerokai lebih banyak aspek mengenai pancaran status sosial masyarakat Minangkabau hanya disebabkan tertimbulnya faktor-faktor tersebut. Oleh itu, pengkaji telah mengkaji beberapa cadangan bagi dijadikan kajian tambahan untuk disyorkan dalam kajian seterusnya. Antara cadangan pertama yang telah dikemukakan oleh pengkaji adalah pengkaji perlu memperuntukkan masa yang lebih daripada sebelumnya agar ia dapat membentuk serta melaksanakan kajian tersebut dengan lebih teratur dan jelas untuk pemahaman khalayak masyarakat. Walaupun pada dasarnya ianya akan menghabiskan masa dan tenaga pengkaji, tetapi ia akan mewujudkan kajian yang lebih hebat berbanding dengan kajian-kajian yang lepas.


Bukan itu sahaja, cadangan kedua yang ditonjolkan oleh pengkaji adalah penggunaan kuantitatif dalam metodologi kajian. Hal ini kerana, penyelidikan kualitatif sememangnya telah membantu serba sedikit kecelaruan yang timbul dalam kajian itu. Bagi memantapkan lagi kajian tersebut, pengkaji mengesyorkan penggunaan kuantitatif juga perlu diselitkan dalam kajian ini walaupun kajian tersebut lebih memfokuskan pembacaan sahaja. Disitulah pengkaji beranggapan bahawa penggunaan kuantitatif seharusnya dipergunakan agar lebih terjawab secara terbuka dengan pemikiran masyarakat kini. Antaranya seperti pengkaedahan temu bual serta soal selidik bagi masyarakat lain mengenai masyarakat Minang. Tambahan juga, pengkaji beranggapan bahawa dengan penggunaan kuantitatif dalam kajian ini adalah dapat meningkatkan perhubungan yang baik antara masyarakat Minang dengan masyarakat yang lain.

Bukan itu sahaja, pengkaji juga dapat menyelidik dengan lebih mendalam dengan mengumpulkan data-data yang dijawab oleh masyarakat lain mengenai unsur-unsur status sosial kalangan masyarakat yang perlu ditambah dalam kajian tersebut. Dengan adanya cadangan ini, pengkaji menegaskan bahawa setiap cadangan yang dikemukakan kemungkinan besar akan membantu serba sedikit sesuatu kajian bagi memudahkan pengkaji menilai betapa bernilainya kajian tersebut.

## 5.5 Penutup

Kesimpulannya, kajian ini telah mengemukakan beberapa kenyataan bagi menjawab kesemua persoalan kajian mengenai unsur-unsur status sosial masyarakat Minangkabau serta mengaplikasikan teori sosiologi berdasarkan bagi memantapkan kajian tersebut. Secara ringkasannya, dapatan kajian telah mengemukakan mengenai perbincangan telah dilakukan bagi memperjelaskan persoalan kajian serta mengukuhkan objektif kajian bagi keseluruhan tesis ini. Tambahan juga, pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan bagi menjayakan suatu kajian agar kajian tersebut berjalan secara teratur serta kemas. Hal ini amat memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan bagi bahan bacaan untuk masa hadapan. Sememangnya masyarakat Malaysia tidak sewajarnya untuk mengkritik sesuatu perkara tetapi lebih perlu memperbetulkan diri dengan lebih membaca agar ia lebih hebat berbanding kajian-kajian yang lepas. Selain itu, pengkaji juga telah menyatakan beberapa implikasi yang dilontarkan dalam setiap kajian. Antaranya adalah implikasi teoritis kajian serta implikasi amalan kajian bagi membuktikan bahawa kajian tersebut mempunyai impak yang positif dan negatif kepada khalayak masyarakat. Selain itu, kesemua bahan kajian yang digunakan oleh pengkaji juga telah membantu menyelesaikan kajian tersebut serta lebih memantapkan kajian ini berbanding kajian-kajian yang lepas. Ia lebih kearah mengenalkan status sosial masyarakat Minangkabau kepada khalayak masyarakat. Kewujudan sifat masyarakat Minangkabau adalah daripada personaliti mereka tersendiri, cara pembelajaran yang dipelajari oleh nenek moyang mereka. Mereka juga telah menganalisis bahawa keperluan masyarakat itu adalah ditentukan oleh sesebuah pengorganisasian masyarakat samada secara lisan atau perbuatan mereka sendiri.

## Biodata Pengkaji



Assalamualaikum W.B.T. Nama yang diberi ialah Nor'Ain Binti Abdul Ghani. Saya dilahirkan pada 18hb March 1997 dan dilahirkan di Hospital Mentakab, Pahang tetapi kini saya tinggal di Johor. Saya berusia 23 tahun. Saya tinggal di Lot 4239-1, Jalan Kampung Parit Betung, Batu Pahat, Johor. Saya merupakan anak kedua dalam ketiga adik beradik. Saya mendapat pendidikan rendah di SJK(C) Cheng Siu 1 pada tahun (2004-2009) dan melanjutkan pendidikan menengah di SMK Seri Gading selama lima tahun (2010-2014). Selepas melanjutkan di sekolah menengah, saya masih dapat melanjutkan pendidikan pra-universiti di SMK Tun Ismail pada tahun (2015-2016) dan kini saya melanjutkan jurusan Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian saya di Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Bachok).

Ayah saya bernama Abdul Ghani Bin Sirat. Beliau berumur 60 tahun. Beliau bekerja sebagai Pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan. Ibu saya bernama Roziah Binti Pen. Beliau telah meninggal dunia semasa saya berumur tingkatan 2. Beliau merupakan guru tadika. Abang saya bernama Nor Amyrul Shafiq. Beliau berumur 28 tahun dan kini bekerja sebagai Pembantu Perubatan di Johor Bahru dan adik saya bernama Nor Faiz Bin Abdul Ghani dan kini berada di Tingkatan 4 dan bersekolah di Kolej Vokasional Muar.

## Rujukan

- Amirah Anis Thalib. (2017). *Isu-isu Identiti Budaya Nasional Dalam Filem "Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck"*. Tesis Ijazah Master, Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Mukhlishin. (2017). Aplikasi Teori Sosiologi Dalam Pengembangan Masyarakat Islam. *Jurnal Pengajian Islam*. 2 (2), 211-234.
- Syamsul Rijal. (2017). Analisis Sosiologi Sastera Dalam Novel Berkisar Merah Karya Ahmad Tohari. *Jurnal Ilmu Budaya*. 1(2).
- Amirah Anis Thalib. (2017). Isu-isu Identitas Budaya Nasional dalam Film 'Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck'. *Jurnal Sastera dan Budaya*. 2 (2).
- Ahmad Johari. (2017). *Teori Sosiologi Pendidikan dalam Pembelajaran*, Tesis Ijazah Master Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Zaidi Baharuddin. (2010). *Faktor Sosio Budaya yang Mempengaruhi Konflik Tanah dalam Masyarakat Minangkabau*. Pascasarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdul Munir Ismail & Mohd Noor Bin Daud. (2002). *Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan, Malaysia: Dari Perspektif Islam*. Tesis Sarjana. Jabatan Pengajian Islam, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak.
- Chew Fong Peng. (2006). Pembentukan Negara Bangsa Melalui Pendidikan Sastera. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 17.
- Erizal Gani (1949), Kajian Terhadap Landasan Filosofi Pantun Minangkabau, *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. 16, 217-278.
- Erizal Ghani. (2000). Perapatan Jurang; Sosiologi dan Sejarah, Jebat. *Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. 18, 317-334.
- Fathin Ramli. (2018). Kearifan Lokal Masyarakat Minangkabau Dalam Ungkapan Kepercayaan Rakyat. *Jurnal Kajian Bahasa, Sastra Indonesia dan Pembelajarannya*. 2 (1).
- Halis Azhan Mohd Hanafiah. (2002). *Novel-Novel Zailiani Taslim: Analisis Kehendak Remaja*. Ijazah Master Sastera, Universiti Putra Malaysia, Selangor
- Hamka. (2006). *Islam & Adat Minangkabau*. Selangor: Penerbit Pustaka Dini Sdn Bhd.
- Hashim Ismail. (2007). Sejarah Penulisan Novel di Malaysia: Isu dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 18.
- Hashim Ismail. (2007). Cara Penulisan Novel-Novel Minangkabau. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 15
- Hasanuddin. (2015). Kearifan Lokal Dalam Tradisi Lisan Kepercayaan Rakyat Ungkapan Larangan Tentang Kehamilan, Masa Bayi, Dan Kanak-kanak Masyarakat Minangkabau Wilayah Adat Luhak Nan Tigo. *Jurnal Keilmuan Bahasa, Sastera, Dan Pengajarannya*. 1(2), 198-204.

Haikal Ariffin. (2018). *Kearifan Masyarakat Minangkabau dalam Ungkapan Kepercayaan Rakyat*, Tesis Ijazah Master Sastera, Universiti Putra Malaysia.

Hamdan Hj Aziz. (2012). *Kecerdasan Emosi Lelaki dalam Novel-Novel Terpilih Anwar Ridhwan dan Haruki Murakami: Kajian Perbandingan*. Tesis Sarjana Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Haji Abdul Malik Karim Amrullah. (2015). *Tenggelamnya kapal Van Der Wijck*. Selangor: Publishing House Sdn Bhd.

Herman Khalid (2008). Peranan Dan Kedudukan Perempuan Melayu Dalam Masyarakat Melayu Minangkabau di Sumatra Barat, *Jurnal Pengajian Sastera*, Jilid 3

Ina Suryani. (2001). Noktah Hitam Agama Dalam Tingkah Laku Sosiologi Masyarakat: Suatu Tinjauan Sosiologi Sastera, *Jurnal Demokrasi*. Vol. 15 Universiti Putra Malaysia, Selangor.

Imtina (2007). Pemikiran Khadijah Hashim dalam Novel *Badai Semalam* dan *Laila Azwa Gadisku* untuk Membangunkan Sahsiah Belia. *Jurnal Pendeta*. Vol. 5.

*Kamus Dewan*. (2005), Edisi Keempat. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khairul Azman. (2014). Teori Sosiologi Islam, Kajian Sosiologis terhadap Konsep-konsep sosiologi dalam al-Quran Al-Karim. *Jurnal Pendidikan Agama Islam Ta'lim*. Vol 12 (1).

Maria Omar. (2018). Kearifan Lokal Masyarakat Minangkabau Dalam Ungkapan Kepercayaan Rakyat. *Jurnal Kajian Bahasa, Sastra Indonesia dan Pembelajarannya*. 2 (1).

Maria Omar. (2019). Kajian Sosiologi Sastera Dan Nilai Pendidikan Dalam Novel Karya Sjai, *Jurnal Melayu Sastera*. 2 (1), 193-233.

Masrizayu Mustafa. (2006). *Pemikiran dalam Novel-Novel Khadijah Hashim*. Tesis Ijazah Master Sastera. Universiti Putra Malaysia, Selangor.

Mohammad Zaki (2009). Perilaku Perlanggaran Disiplin Siswa Di Sekolah Di Tinjau dari Kerangka Teori Sosiologi Fungsionalisme, *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 20

Mohamed Anwar Omar Din. (2011). Asal-Usul Orang Melayu; Menulis Semula Sejarahnya. *Jurnal Melayu*. 7, 1-82.

Mohammad Siddiq. (2016). Etnografi Sebagai Teori Dan Metode, *Jurnal Komunikasi Antar Penguruan Tinggi Agama Islam*. 4 (1).

Mohamed Sharif Mustaffa & Roslee Ahmad. (2002). Bimbingan Kerjaya Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Jilid 8.

Muhaimin Sulam (2017). *Pemikiran Faisal Tehrani Berdasarkan Novel-novel Pilihan*. Tesis Sarjana Muda, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Kuala Lumpur.

Muhammad Rusydi Rashid. (2012). Pendekatan Sosiologi Sastera Dan Nilai Pendidikan Dalam Kumpulan Cerpen 9 Dari Nadira Karya Leila. *Malaysia Journal of Youth Studies*. 4 (1).

- Mohd Faizal Said & Ani Omar. (2013). Pembinaan Modal Insan dalam novel Komsas *Kembara Amira* Karya Amer Hmzah L. Kadir. *Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*. 4(1).
- Mohamad Khairi Othman, Asmawati Suhid & Samsilah Roslan. (2015). Penghayatan Nilai Murni dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini. *Jurnal Pembangunan Sosial*. Jilid 18.
- Noriha Basir (2001), Representasi Kemiskinan Dalam Novel Jatisaba Karya Ramayda Akmal Berasaskan Teori Sosiologi, *Jurnal Pendidikan*. Jilid 10
- Norliana Suhaimi. (2010). Analisis Sosiologi Sastera Dalam Konteks Pendidikan Menurut Perspektif Ibn Khaldun. Tesis Sarjana, *Jurnal Melayu* 2(1).
- Nordin Hussin (2011). Merantau Ke Kuala Lumpur; Tradisi Merantau Dan Berdagang Masyarakat Minang.' *Tesis Sarjana, Pusat Akreditasi Pembelajaran, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor*.
- Nur Fatin Liyana. (2013). Kajian Sosiologi Sastera Pendidikan. *Jurnal Usuluddin*. 37(1), 117-150.
- Nursham Abdul Aziz. (2015). Novel-novel Terpilih Azizi Haji Abdullah: Kajian Intertekstualiti. *Tesis Sarjana, Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur*.
- Norazri Mohd Zaidin. (2015). *Penerapan Nilai-Nilai Murni dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran ke Arah Pembentukan Sahsiah Pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi Mara. Tesis Ijazah Sarjana, Pendidikan Teknik dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia*
- Noriati A. Rashid. (2005). Nilai Kesantunan Dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*. 15 (1).
- Nursham Abdul Aziz. (2015). *Novel-Novel Terpilih Azizi Haji Abdullah: Kajian Intertekstualiti*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nurul Raihana Abdullah & Norila Md Salleh. (2016). Peranan Watak Utama Menerusi Penonjolan Nilai-Nilai Murni KBSM dalam Teks Komsas Novel *Songket Berbenang Emas*. *Jurnal Peradaban Melayu*. Jilid 11.
- Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. (2016). Retorik Naratif dalam Novel *Orang Kota Bharu*. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 4(2), 13-22.
- Hamka. (2010). *Merantau Ke Deli*, Selangor: Pustaka Dini, Shah Alam.
- Rahimah Abdul Aziz (1990), Perapatan Jurang: Sosiologi Dan Sejarah, *Jurnal Pengajian Melayu Jilid 18*.
- Rohana Yusuf (2010). Unsur Konflik dalam Novel Remaja Terpilih. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 6 (1), 52-63.
- Rohana Ishak. (2013). *Pemikiran Dalam Puisi Melayu Teks Komsas dari Sudut Teori SPB4L*. Ijazah Master Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Rosalina. (2015). Perbandingan Kata Sapaan Dalam Masyarakat Minangkabau di Kabupaten 50 kota Dengan Daerah Rembau, *Jurnal Humanika*. 5 (3).

Syarifuddin (2001), Kajian Struktural Dan Sosiologi Sastera Dalam Novel Seputih Hati Yang Tercebik, *Jurnal Pengajian Sastera*. Jilid 4

Siti Fatimah (2001), *Gender Dalam Komuniti Masyarakat Minangkabau; Teori, Praktik dan Ruang Lingkup Kajian*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Shoekri Hassan. (2003). *Perkembangan Teori dan Pendekatan Kritikan dalam Kesusasteraan Melayu Dekat 80 an hingga 90*. Tesis Ijazah Master, Universiti Putra Malaysia, Serdang

Siti Fatimah (2008), Kajian Mencermati Perubahan Masyarakat Minangkabau Melalui Novel "Tamu Karya Wisran Hadi", *Jurnal Pengajian Melayu* Jilid 5

Syahrizal Akbar (2013). Kajian Sosiologi Sastera Dan Nilai Pendidikan Dalam Novel "Tuan Guru" karya Salman Faris, *Journal of Malay Language, Education and Literature*. 4(1), 42-61.

Siti Norain binti Marzuki. (2013). *Nilai Insaniah dalam Novel Terpilih Sri Rahayu*. Ijazah Master Sastera. Universiti Putra Malaysia.

Siti Suhaili Saharudin. (2013). *Unsur Patriotisme dalam Kumpulan Puisi Pilihan Penyair Sarawak, Malaysia*. Tesis Ijazah Master Sastera. Universiti Putra Malaysia.

Siti Fatimah. (2011). Kepimpinan Tradisional Masyarakat Minangkabau Pada Masa Pendudukan Jepang, *Jurnal Melayu*, 2 (1).

Siti Khairiah Mohd Zubir. (2015). Pembangunan Sahsiah Belia dan Teori SPB4K dalam Novel Nisah Haron. *Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*. 2(1), 1-28.

Suriani Mansor. (2016). Analisis Unsur Adat Minangkabau Pada Filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* karya Hamka, *Jurnal Melayu*. Vol 69 (1).

Wan Abdul Kadir. (2002). *Pendidikan Sastera Melayu Memperkukuhkan Pembinaan Karakter Pelajar*. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.

Yusrita Yanti. (2005). *Peran dan Kedudukan Perempuan dalam Kebudayaan Minangkabau*. Tesis Ijazah Sarjana, Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Bung Hatta.

Yasril Yunus. (2007). Model Pemerintahan Negeri Yang Partisipatif dalam Masyarakat Minangkabau. *Journal Demokrasi*. 4 (2).

Yasril Yunus (2010), Model Pemerintahan Negeri Dalam Masyarakat Minangkabau, *Jurnal Melayu* 2 (5).

Zainal Ariffin (2005), *Idualitatis Praktik Perkahwinan Minangkabau*, Tesis Ijazah, Universiti Putra Serdang Malaysia, Serdang.

Zaenal Abidin. (2015). Perilaku Remaja Pengguna Gadget; Analisis Teori Sosiologi Pendidikan. *Jurnal Melayu* Bil. 4 (1).


Zaenal Abidin. (2015). Perilaku Remaja Pengguna Gadget; Analisis Teori Sosiologi Pendidikan. *Jurnal Kemanusiaan*. Vol, 26 (2).



Zainal Omar. (2016). *Potret Keluarga Masyarakat Minangkabau dalam dua novel Pengarang Etnis Minangkabau*. Tesis Sarjana Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Kuala Lumpur.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN